



Sosialis

Bersama Membina Kuasa Rakyat

OKT-DIS 2019 RM 2 | RM 3 (HARGA SOLIDARITI)

<https://sosialis.net>

PO/PP1505(17864)



**ISYTIHAR
DARURAT IKLIM
BERTINDAK SEBELUM PARAH**

muka surat

- 4 Aktivis anti-pengusiran bebas dari pertuduhan**
- 5 Warisan tradisional Tongkat Ali dicuri korporat**
- 6 Garis kemiskinan tidak cerminkan realiti**
- 7 Belanjawan Persekutuan perlu berfikir di luar kotak**
- 8 Isytihar Darurat Iklim sekarang juga**

- 12 Tambak laut untuk siapa?**
- 13 Protes nelayan di Parlimen**
- 15 Pelajar AATC menang perjuangan**
- 16 Papua Barat: Jalan berliku-liku menuju penentuan nasib sendiri**
- 19 Puerto Rico: Rakyat bangkit cabar “penjajahan” AS**
- 20 Syor PSM untuk Belanjawan 2020**

Resolusi Kongres Nasional Parti Sosialis Malaysia (PSM) yang ke-21

14 Julai 2019, Kajang

1. Hak pekerja –

Jaminan kerja, pendapatan dan kesejahteraan untuk pekerja:

- Kerajaan harus melaksanakan gaji minimum RM1800.
- Laksanakan hari rehat wajib, supaya setiap pekerja dapat menikmati hari rehat mingguannya tanpa dikehendaki membuat kerja lebih masa (OT) pada hari itu. Kurangkan had masa kerja lebih masa pada hari kerja dan kuatkuasakan secara tegas kerja 8 jam sehari. Untuk menangani peningkatan masalah kesihatan dalam masyarakat, pekerja perlu diberi lebih ruang dan masa untuk berehat serta menjalankan aktiviti rekreasi.
- Kerajaan harus menghapuskan sistem kerja kontrak untuk kerja tetap di premis kerajaan, dan menyerap semua pekerja berkenaan sebagai kakitangan awam.

2. Rumah – Kerajaan harus membina sekurang-kurangnya 200,000 unit rumah sewa beli dalam satu tahun, dan harga rumah mampu milik perlu ditetapkan pada paras di bawah RM100,000.

3. Perlindungan alam sekitar:

- Kerajaan perlu mengisyihar Darurat Krisis Iklim dengan segera dan mengambil tindakan-tindakan yang sewajar untuk menanganiinya.
- Kerajaan perlu mencari jalan untuk mengharamkan sepenuhnya penggunaan plastik pakai buang (*single-use plastic*) di peringkat nasional.

- Hentikan segala pemberian lesen dan permit kelulusan (AP) untuk aktiviti mengimport sisa sampah ke dalam negara kita. Akta-akta berkaitan perlu dikaji semula agar tiada lagi sisa sampah dari luar negara diimport ke Malaysia.
- Kerajaan harus membentuk satu Suruhanjaya Khas Bebas untuk menyiasat isu-isu pencemaran alam sekitar yang berbangkit dan menyediakan laporan tentang setiap isu berkenaan dalam tempoh masa 3 bulan. Tindakan harus diambil ke atas pihak yang dikenalpasti sebagai punca masalah berkenaan.
- Kerajaan perlu mendapatkan persetujuan orang awam sebelum membuat apa-apa keputusan yang mendatangkan impak besar kepada alam sekitar.

4. Kerajaan perlu mengembalikan **Pilihanraya Kerajaan Tempatan** selewat-lewatnya pada tahun 2021.

5. Tingkatkan **pengangkutan awam**, termasuk pelaksanaan pengangkutan awam percuma oleh kerajaan negeri supaya perkhidmatan bas dapat melalui kawasan penempatan untuk golongan B40 dan kawasan penempatan semula setinggan.

6. **Kesihatan** – Kerajaan harus mengambil langkah-langkah yang serius untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan kesihatan awam dan menambahkan bilangan hospital awam bagi kemudahan rakyat jelata.

7. Hak pendidikan:

- Kerajaan perlu memastikan mata pelajaran sains dan matematik dapat diajar dalam bahasa ibunda di sekolah rendah.
- Kerajaan perlu memastikan bahawa semua rakyat mendapat peluang pendidikan di institusi pendidikan awam tanpa mengira agama dan kaum, serta mengutamakan golongan B40.

8. Pertanian – Kerajaan perlu memperuntukkan tanah kepada petani dan penternak untuk diusahakan, di samping mencari jalan untuk meningkatkan hasil pertanian dan industri makanan tempatan, demi mencapai tahap mampu sara diri dalam pembekalan makanan.

9. Orang Asli – Kerajaan perlu melindungi hak tanah adat untuk Orang Asli, serta menyelesaikan masalah kesihatan, kemiskinan dan masalah lain yang dihadapi oleh masyarakat Orang Asli dengan segera.

10. Perlindungan hak rakyat bebas daripada gangguan:

- Kerajaan perlu menggubal Akta Gangguan Seksual. Peruntukan tentang gangguan seksual dalam Akta Kerja sekarang ini tidak mencukupi, kerana gangguan seksual boleh berlaku dalam pelbagai cara di mana-mana sahaja.
- Kerajaan perlu mengambil langkah untuk menghentikan

serangan, ancaman dan diskriminasi terhadap golongan LGBT.

11. Jaminan kesejahteraan

hidup rakyat khususnya golongan bawahan:

- Kerajaan perlu mengkaji semula dan mengemaskini pendapatan garis kemiskinan nasional supaya ia lebih mencerminkan realiti dan mengambil langkah yang sewajar untuk membasmi kemiskinan.
- Kerajaan perlu mengambil tindakan konkret untuk mengawal harga barang asas dan memastikan penguatkuasaan kawalan harga barang.
- Kerajaan harus melaksanakan skim pencen untuk semua warga emas.

12. Pembaharuan institusi menuju negara bebas rasuah:

- Kerajaan harus mewujudkan sistem pembiayaan untuk semua parti politik dengan dana awam, bagi membendung politik wang.
- Selaras dengan usaha membanteras rasuah dan mengukuhkan institusi awam di negara kita, semua pemegang jawatan tinggi dalam institusi awam, termasuk hakim-hakim, perlu mengisyihar harta setiap tahun.

13. Kewarganegaraan

– Kerajaan harus meluluskan kewarganegaraan untuk bayi terdampar yang tidak dapat dikenalpasti kewarganegaraan ibubapanya. ##



Mengenai PSM

Parti Sosialis Malaysia (PSM) ialah sebuah parti politik yang berasaskan prinsip sosialisme dan beraspirasikan perjuangan rakyat yang berteraskan keadilan sosial.

PSM memperjuangkan kesejahteraan rakyat, keadilan sosial dan demokrasi sejati, demi membebaskan rakyat daripada segala bentuk penindasan dan membina sebuah masyarakat yang benar-benar sejahtera untuk semua.

PSM lahir dari perjuangan rakyat

PSM ditubuhkan pada tahun 1998, oleh aktivis-aktivis yang bergiat dalam gerakan perjuangan rakyat marhaen. Aktivis-aktivis daripada kumpulan masyarakat seperti Suara Warga Pertiwi (SWP), Alaigal dan Pusat Pembangunan Masyarakat (CDC), yang telah terlibat dalam perjuangan masyarakat ladang dan peneroka bandar bertahun-tahun lamanya, telah membentuk satu jaringan dan menganjurkan aksi Hari Pekerja 1994, satu aksi jalanan sambutan hari bersejarah bagi golongan pekerja yang berlangsung untuk pertama kalinya selepas dua dekad pada masa itu. Jaringan gerakan rakyat tersebut kemudiannya berkembang dan akhirnya berputus untuk menubuhkan PSM, sebuah parti politik yang memperjuangkan kepentingan kelas pekerja dan rakyat marhaen.

Walaupun PSM ditubuhkan pada tahun 1998, tetapi ia mengambil tempoh masa 10 tahun untuk mendaftarkan PSM sebagai sebuah parti politik yang sah. Walaupun tidak dibenarkan untuk didaftarkan pada awalnya, aktivis PSM tidak berputus asa dalam memperjuangkan pendaftaran parti di samping meneruskan usaha memperjuangkan isu-isu rakyat. PSM merupakan parti politik pertama di Malaysia yang mencabar Menteri Dalam Negeri dan Kerajaan Malaysia dalam mahkamah kerana dinafikan pendaftaran. Dengan kempen menuntut kebebasan berpersatu yang mendapat sokongan hebat dari dalam dan luar negara, PSM akhirnya didaftarkan pada tahun 2008.

PSM berjuang bersama rakyat

PSM terlibat dalam pelbagai perjuangan di peringkat kawasan tempatan dan juga nasional, termasuk melawan pengusiran paksa, memperjuangkan hak perumahan, menuntut pelaksanaan akta gaji minimum, membantah cukai GST, menentang penswastaan hospital, menuntut penubuhan tabung pemberhentian kerja, menuntut pemulihan pilihanraya tempatan, menegakkan hak asasi rakyat dan sebagainya.



Penglibatan PSM dalam memperjuangkan isu-isu rakyat ini, bertujuan bukan sahaja mempertahankan hak dan kesejahteraan rakyat daripada ancaman kerakusan golongan atasan, tetapi juga untuk memperkasakan rakyat bawahan supaya rakyat sendiri dapat memperjuangkan kepentingan bersama masyarakat dan membawa perubahan yang sebenar.

Agenda perjuangan PSM

Demokrasi sejati

Rakyat biasa dapat menyertai sepenuhnya dalam proses menentukan halatuju masyarakat dan masa depan kehidupan sendiri.

Keadilan ekonomi

Pengagihankekayaan masyarakat yang saksama, supaya segala hasil usaha rakyat dapat dinikmati bersama semua orang.

Kelestarian alam sekitar

Pembangunan masyarakat yang menjamin kemampaman ekologi alam sekitar supaya generasi kita akan datang dapat terus hidup dalam persekitaran bumi yang bersih dan selamat.

Isu-isu yang diperjuangkan PSM

termasuk:

- Gaji pekerja yang mampu sara hidup.
- Perumahan untuk semua rakyat. Rumah untuk diduduki rakyat, bukannya untuk keuntungan korporat.
- Cukai lebih tinggi ke atas golongan mahakaya 1% teratas.
- Pendidikan percuma sehingga ijazah pertama.
- Tingkatkan perkhidmatan kesihatan awam. Sekat pembukaan hospital swasta.
- Iktiraf hak tanah adat masyarakat Orang Asli.
- Lindungi hak tanah untuk petani kecil yang menghasilkan bahan makanan demi memperkuuhkan jaminan makanan negara.
- Pembangunan tenaga boleh diperbaharui yang selamat.
- Pencen untuk semua warga emas.
- Kembalikan pilihanraya tempatan.
- Hentikan politik perkauman.

Sumbangan kewangan boleh disalurkan kepada akaun **Maybank:**
PARTI SOSIALIS MALAYSIA
No. Akaun: 512080337313

DARI MEJA PENGARANG

Ancaman krisis iklim semakin hebat dan memerlukan tindakan segera. Negara Malaysia juga tidak boleh dikecualikan daripada ancaman tahap kepupusan manusia ini. Gejala jerebu yang menghantui negara kita hampir setiap tahun memberi amaran kepada kita bahawa rakyat Malaysia perlu bertindak untuk mendesak kerajaan kita supaya memandang serius masalah krisis iklim.

Semakin ramai orang sudah menyedari tentang bahaya krisis iklim dan keperluan untuk membuat perubahan dasar segera bagi mengelakkan Bumi kita daripada bencana yang lebih teruk lagi. Aksi mogok iklim yang dimulakan oleh seorang budak yang berumur belasan tahun telah menjana momentum hebat yang merebak ke seluruh dunia. Gelombang aksi protes untuk keadilan iklim akan berterusan selagi kerajaan sedunia masih melengah-lengahkan masa dalam pelaksanaan dasar dan langkah-langkah untuk menangani krisis iklim.

Di negara kita, juga adanya ramai anak muda sudah bangkit dan menyuarakan tuntutan mereka kepada kerajaan supaya mengisyitihar Darurat Iklim. Pengisyitihar Darurat Iklim

patut dilakukan supaya kerajaan mengiktiraf keseriusan masalah krisis iklim dan bersedia mengambil langkah-langkah yang lebih drastik untuk menanganiinya.

Krisis iklim merupakan sebahagian yang tidak boleh dipisahkan daripada krisis kapitalis global. Oleh yang demikian, perjuangan untuk melindungi Bumi kita daripada bencana krisis iklim perlu dilakukan bersama dengan perjuangan menentang kapitalisme.

Selain isu iklim sedunia, penindasan dan ketidakadilan yang berlaku di merata tempat turut mencetuskan kebangkitan rakyat yang hebat. Kita dapat menyaksikan kebangkitan rakyat di tempat-tempat seperti Papua Barat, Indonesia, Puerto Rico, Hong Kong, Mesir dan sebagainya baru-baru ini. Kebangkitan rakyat ini, khususnya di kalangan anak-anak muda, menunjukkan kesungguhan rakyat untuk melawan penindasan dan memperjuangkan keadilan. Walaupun menghadapi penindasan, rakyat tetap memberanikan diri untuk melawan balik demi menentukan nasib mereka secara bersama. Solidariti antarabangsa diperlukan untuk memberi sokongan kepada perjuangan rakyat yang hebat ini. ##

Langganh Akhbār Sosialis: Sekarang!

Akhbar Sosialis, ialah lidah rasmi kepada Parti Sosialis Malaysia (PSM). Akhbar Sosialis diterbitkan secara bercetak setiap 3 bulan sekali dan mempunyai versi online yang dikemaskini secara kerap.

Akhbar Sosialis menerbitkan maklumat terkini tentang perjuangan rakyat dan analisis kiri tentang isu-isu penting dalam masyarakat. Akhbar Sosialis menawarkan perspektif kiri yang berasaskan keadilan sosial dan pembebasan rakyat.

Jika anda mahu AKHBAR SOSIALIS versi percetakan yang dikeluarkan setiap 3 bulan sekali diposkan terus kepada anda, maka anda boleh melanggan terus dengan kami.

Harga solidariti (termasuk harga setem) untuk langganan ialah RM25 untuk tempoh 2 tahun (6 keluaran).

Nama :
Alamat :

Telefon :
E-mel :

Boleh salurkan wang langganan terus kepada akaun **MAYBANK:**
PARTI SOSIALIS MALAYSIA
No. Akaun: 512080337313



Layari **SOSIALIS.NET**
untuk versi online Akhbar Sosialis:

https://sosialis.net/

Karthiges dan Nathan, dua orang yang cuba mempertahankan rumah penduduk miskin daripada pengusiran paksa di unit rumah PPR Padang Tembak tetapi ditangkap pada tahun lalu, telah dilepaskan dan dibebaskan daripada pertuduhan pada 13 September lalu oleh Mahkamah Majistret Georgetown.

Setelah meneliti semakan terhadap saksi dan bahan bukti yang dikemukakan oleh pihak pendakwara, Majistret Eric Lau mendapati bahawa pihak pendakwaan gagal membuktikan kes *prima facie* terhadap mereka yang tertuduh, maka memutuskan untuk membebaskan kedua-dua orang yang tertuduh daripada segala pertuduhan.

Karthiges a/l Rajamanickam (Ahli Jawatankuasa Pusat PSM merangkap Ketua Biro Perumahan PSM) dan Nathan a/l Munusamy (rakan kepada salah seorang penduduk PPR yang diusir), ditangkap pada 5 Jun 2018 semasa mereka cuba membela penduduk PPR Padang Tembak yang menghadapi pengusiran paksa pada masa itu. Mereka ditangkap di hadapan unit rumah PPR yang dihuni oleh penduduk bernama Mahathir bin Hajah Mydeen, hanya kerana cuba berunding dengan pegawai penguatuasaan daripada Bahagian Perumahan Kerajaan Pulau Pinang untuk menangguhkan penguncian rumah dan pengusiran. Ketika itu adalah bulan puasa dan para penduduk telah cuba banyak kali untuk bertemu dengan Exco Kerajaan Pulau Pinang tetapi gagal. Mereka yang ditangkap dibebaskan dengan jamin polis pada malam yang sama pada hari itu. Karthiges dan Nathan kemudiannya didakwa di Mahkamah Majistret Jenayah Georgetown pada 4 Julai 2018, di bawah Seksyen 186 Kanun Kesejahteraan, iaitu pertuduhan menghalang penjawat awam.

Aktivis anti-pengusiran bebas dari pertuduhan



Karthiges (keempat dari kiri) dan Nathan (ketiga dari kiri) bersama dengan peguam V. Parthipan (kedua dari kanan) dan Arafas (keempat dari kanan).

Parti Sosialis Malaysia (PSM) pernah menyerahkan satu memorandum kepada Jabatan Peguam Negara pada 28 Mei lalu, untuk meminta pada Peguam Negara Tommny Thomas supaya menggugurkan pendakwaan terhadap Karthiges dan Nathan, atas sebab-sebab termasuk proses pendakwaan tersebut sebenarnya membazir tenaga pihak pendakwara dan sumber sistem kehakiman negara. Namun, Jabatan Peguam Negara telah menolak representasi tersebut tanpa memberikan sebab-sebab selanjutnya dan meneruskan pendakwaan terhadap dua orang yang tertuduh.

Setelah beberapa kali sebutan kes, perbicaraan kes ini telah berlangsung pada 9 Mei, 10 Mei, 9 Julai, 22 Julai dan 31 Julai tahun ini. Seramai 4 orang saksi telah dipanggil oleh pihak pendakwaan

untuk memberi keterangan di mahkamah berkenaan kes ini, iaitu pegawai daripada Unit Penguatuasaan dan Strata Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Pulau Pinang yang mengetuai operasi penyitaan rumah pada 5 Jun 2018, pegawai daripada Bahagian Perumahan yang merakamkan video dengan telefon pintarnya pada hari kejadian, pegawai penyiasat kes ini daripada pihak polis dan pegawai polis yang menjalankan penangkapan.

Keterangan daripada kedua-dua saksi daripada Bahagian Perumahan Pulau Pinang yang menjalankan operasi penyitaan rumah pada 5 Jun 2018, telah menyatakan dengan jelas bahawa Karthiges dan Nathan tidak bertindak keras atau melakukan apa-apa keganasan terhadap sesiapa sepanjang proses mereka

cuba berunding dengan pegawai penguatuasa yang cuba mengunci rumah penduduk PPR yang diusir pada masa itu. Sementara penyemakan terhadap Pegawai Penyiasat pula mendapati bahawa Pegawai Penyiasat tidak memanggil saksi-saksi yang penting untuk merekodkan keterangan. Apabila ditanya oleh peguam kenapa tidak memanggil kakak kepada penghuni yang diusir yang agak menonjol dalam video rakaman yang diserahkan sebagai bukti untuk mendapatkan keterangan, Pegawai Penyiasat tersebut mengatakan bahawa keterangan saksi tersebut akan berpihak kepada orang yang tertuduh, maka tidak memanggilnya. Pihak pembelaan telah berhujah bahawa ini menunjukkan bahawa penyiasatan tidak dilakukan secara sempurna sebelum pendakwaan dibuat.

Setelah kes pendakwaan yang berlarutan untuk lebih 14 bulan, Karthiges dan Nathan yang cuba mempertahankan penduduk miskin rumah PPR daripada diusir akhirnya dibebaskan daripada segala pertuduhan.

Karthiges dan Nathan telah diwakili oleh peguam V. Parthipan dan Arafas Abdul Razak. Turut hadir di Mahkamah Majistret Georgetown pada 13 September lalu untuk memberikan sokongan ialah wakil daripada Aliran Kesedaran Negara (ALIRAN), Suara Rakyat Malaysia (SUARAM) dan Parti Sosialis Malaysia (PSM), termasuk ahli-ahli PSM yang datang dari Sungai Siput. ##



Hentikan projek pembalakan di Jalong Tinggi

Masyarakat Orang Asli yang tinggal di 10 buah kampung di kawasan Jalong Tinggi, Perak, menghadapi ancaman daripada projek pembalakan yang telah dilancarkan di kawasan berdekatan Kampung Lawai sejak dua bulan yang lalu. Sebuah syarikat pembalakan menggunakan jentolak untuk menebang habis pokok-pokok hutan di tapak yang sangat dekat dengan Kampung Lawai.

Masyarakat Orang Asli di situ telah difahamkan bahawa satu kawasan seluas 1600 ekar terlibat dalam projek pembalakan ini. Projek ini melibatkan tanah adat masyarakat Orang Asli di kawasan Jalong Tinggi, di mana kebun-kebun yang diusahakan mereka terletak di dalamnya. Hutan yang sedang ditebang ini merupakan kawasan rayau untuk Orang Asli tempatan di mana mereka mencari makanan dan juga bahan-bahan untuk dijual di bandar. Punca pendapatan masyarakat Orang Asli di situ sedang dimusnahkan oleh projek pembalakan ini.

Projek ini juga sedang mencemari sungai di mana Orang Asli tempatan bergantung untuk bekalan air. Sebelum ini, air sungai jernih dan bersih, tetapi sekarang air menjadi keruh dan berlumpur. Sungai ini juga menjadi punca

penangkapan ikan yang merupakan sumber makanan penting untuk masyarakat Orang Asli tempatan. Jika air sungai terus dicemari, sudah pasti bekalan ikan untuk masyarakat Orang Asli setempat akan terjejas.

Dalam satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Penduduk Jalong Tinggi pada 25 September lalu, masyarakat Orang Asli Jalong Tinggi menyatakan kekhawatiran mereka tentang bencana banjir seperti yang berlaku di Kuala Dipang boleh terjadi di situ juga. "Selepas projek menebang hutan bermula, kayu-kayu balak telah dihanyut oleh air sungai sampai ke Kampung Landap, Kampung Asap dan Kampung Kenang yang terletak 2 batu ke arah hilir sungai. Kami khawatir kayu balak dan sisa lain boleh mewujudkan satu 'empangan' sementara yang boleh pecah dan menyebabkan malapetaka pada masa depan," begitu katanya Jawatankuasa Penduduk Jalong Tinggi dalam kenyataan tersebut.

"Perkara yang amat pelik dan mengecewakan kami adalah, kami sebagai masyarakat tempatan yang menghadapi kesan-kesan negatif akibat projek pembangunan ini tidak dijemput untuk memberi maklumbalas kami terhadap projek

ini sebelum ianya diluluskan. Yang lebih pelik lagi, Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) tempatan pun tidak tahu mengenai projek ini. Apabila kami bertanya JAKOA Kuala Kangsar, mereka pun tidak tahu apa yang sedang berlaku."

Jawatankuasa Penduduk Jalong Tinggi menyerahkan satu memorandum kepada Pejabat Menteri Besar Perak pada 24 September lalu. Jawatankuasa Penduduk Jalong Tinggi mengemukakan soalan berikut untuk dijawab oleh Menteri Besar Perak, Ahmad Faizal Azumu:

- Adakah benar kawasan seluas 1600 ekar di Jalong Tinggi akan dibangunkan sebagai ladang?
- Apakah jenis ladang yang dicadangkan?
- Siapakah pihak yang menjalankan projek ini?
- Apakah langkah yang akan diambil untuk memastikan air sungai tidak dicemari?
- Apakah langkah yang sedang diambil untuk memastikan malapetaka seperti yang pernah berlaku di Kuala Dipang tidak akan berlaku di Jalong Tinggi?
- Bagaimana pula dengan

kerugian ekonomi komuniti Orang Asli? Kawasan rayau masyarakat Orang Asli sedang dibalak, kebun dan dusun sedang dimusnahkan, bekalan ikan sungai terjejas.

Adakah terdapat cadangan untuk berkongsi keuntungan projek ini dengan masyarakat Orang Asli yang menjadi mangsa akibat projek ini?

Masyarakat Orang Asli kawasan Jalong Tinggi menggesa Menteri Besar Perak untuk mencampur tangan dan menghentikan pembalakan hutan di kawasan mereka sehingga isu-isu yang disenaraikan oleh mereka diselesaikan melalui proses perundingan yang sewajarnya. ##

Rakyat masih katakan TIDAK pada Lynas



Lebih kurang 500 orang berhimpun pada 18 Ogos lalu di Taman Gelora, Kuantan, Pahang, untuk menyuarakan bantahan mereka terhadap tindakan Kerajaan Malaysia yang melanjutkan lesen operasi kilang nadir bumi Lynas di Gebeng, berdekatan dengan Kuantan.

Para peserta aksi perhimpunan membawa plakat dan sepanduk yang tertulis tuntutan rakyat yang menggesa Kerajaan untuk menghentikan operasi Lynas. Satu aksi simbolik dengan sebuah "Bas U-Turn Pakatan" buatan kadbod naik ke pentas perhimpunan sebagai sindiran kepada Kerajaan Pakatan Harapan yang melakukan *U-turn* dalam pelaksanaan manifesto pilihanrayanya, termasuk janjinya untuk menghentikan industri yang memudaratkan kesihatan rakyat dan alam sekitar.

Tan Bun Teet selaku Pengerusi Save Malaysia Stop Lynas, iaitu pengajur aksi perhimpunan

tersebut, berkata bahawa apabila kerajaan melakukan *U-turn* dalam isu Lynas, ramai wakil rakyat yang membantah Lynas sebelum ini telah berdiam diri.

Baru-baru ini, Kerajaan Pakatan Harapan telah melanjutkan lesen operasi Lynas. Parti Sosialis Malaysia (PSM) dalam kenyataannya mengatakan bahwa "membenarkan Lynas untuk terus beroperasi di Malaysia merupakan sebuah pengkhianatan kepada rakyat dan alam sekitar".

Syarikat Lynas membuka kilang memproses nadir bumi di Kuantan, bukannya kerana syarikat dari Australia itu ingin mencipta peluang pekerjaan atau membangunkan ekonomi di negara kita, tetapi hanya kerana kos melabur di Malaysia jauh lebih murah daripada di Australia. Isu yang menjadi tumpuan dan dibantah ramai orang sejak awal lagi adalah penghasilan sisa-sisa buangan radioaktif yang membahayakan kesihatan rakyat



dan alam sekitar. Setakat ini, operasi kilang Lynas telah menjana lebih 600,000 tan sisa radioaktif, dan dijangkakan akan menjana sisa radioaktif terkumpul sebanyak lebih 1.3 juta tan dalam tempoh 4 tahun yang akan datang. Selain itu, kilang Lynas juga dianggarkan akan menjana lebih 2 juta tan sisa kimia dalam 4 tahun yang akan datang sekiranya terus beroperasi.

Jika negara Australia yang mempunyai permukaan padang pasir hampir 8 kali ganda bersama berbanding keluasan Malaysia enggan menerima sisa radioaktif Lynas, bukankah negara Malaysia yang tidak mempunyai tempat luas yang sesuai untuk penyimpanan sisa radioaktif dan toksik ini lagi tidak sesuai untuk menerima sisa radioaktif Lynas? Amat jelas sekali, sejak awal lagi, syarikat Lynas yang menjana keuntungan lumayan daripada operasinya di Malaysia ini hanya menganggap Malaysia sebagai tong sampahnya untuk membuang sisa radioaktif yang berbahaya untuk rakyat. Lebih-lebih lagi, Lynas telah diberi layanan khas daripada Kerajaan Malaysia sejak zaman Barisan Nasional, iaitu diberikan pelepasan

cukai pendapatan untuk tempoh selama 12 tahun, maknanya adalah syarikat Lynas masih tidak membayar satu sen cukai pun kepada Kerajaan Malaysia sehingga kini!

Rakyat yang berhimpun di Kuantan telah menyampaikan satu mesej yang jelas, iaitu hentikan operasi Lynas sekarang juga!

Aktivis-aktivis PSM turut serta dalam aksi perhimpunan anti-Lynas di Kuantan pada 18 Ogos lalu. Sementara itu, aktivis-aktivis di Pulau Pinang juga mengadakan aksi solidariti serentak dengan perhimpunan di Kuantan. ##



Warisan tradisional Tongkat Ali dicuri korporat

Akbar The Star bertarikh 31 Julai 2019 menyiaran satu "Notis Amaran" yang dikeluarkan oleh Messrs. Bustaman, peguamcara untuk syarikat Biotropics Malaysia Berhad, menyatakan bahawa Biotropics ialah pemegang lesen tunggal untuk paten terhadap komponen bioaktif daripada ekstrak akar tumbuhan *Eurycoma longifolia* (yang lebih dikenali umum sebagai "Tongkat Ali")!

"Notis amaran" tersebut mengatakan bahawa mana-mana individu atau syarikat yang terlibat dalam pengeluaran, pembuatan, pengimportan atau penjualan barang berpaten tersebut adalah melanggar hak eksklusif yang diberikan dalam paten berkenaan, dan boleh didenda RM 15,000 dan/atau dikenjarakan maksimum 2 tahun. "Notis amaran" tersebut berakhir dengan kenyataan yang tegas, "AMBIL PERHATIAN bahawa prosiding undang-undang boleh dimulakan terhadap sesiapa yang melanggar Paten yang disebutkan ini termasuk mereka yang membantu atau memudahkan pelanggaran sebegini..."

Dalam kenyataan yang dikeluarkan oleh Dr. Jeyakumar Devaraj, Pengerusi Parti Sosialis

Malaysia (PSM), beliau berkata, "PSM terkejut bahawa undang-undang paten yang sedia ada di Malaysia boleh disalahgunakan dengan begitu mudahnya untuk mewujudkan monopoli bagi syarikat-syarikat yang mempunyai pertalian baik dengan golongan berkuasa supaya mereka dapat menuntut hak terhadap pengeluaran dan penjualan barang seperti Tongkat Ali yang sebenarnya telah digunakan berabad-abad lamanya bagi tujuan perubatan."

"Notis Amaran" Biotropics merujuk ekstrak daripada Tongkat Ali sebagai 'ciptaan'nya – tetapi ini semestinya tidak benar! Rakyat tempatan di Malaysia telah pun mengiktiraf sifat perubatan Tongkat Ali dan menggunakan untuk tujuan peningkatan kesihatan untuk begitu lamanya. Ini jelasnya adalah satu lagi contoh 'memagarkan harta awam' (*fencing up the commons*), di mana dalam kes ini Akta Paten 1983 telah digunakan.

"Mengikut 'Notis Amaran' ini, mulai dari sekarang, mana-mana perseorangan atau syarikat yang menyediakan dan menjual ekstrak daripada Tongkat Ali, perlu mendapat kebenaran daripada

Biotropics dan membayar royalti kepadanya!"

"PSM memahami bahawa Biotropics sekarang ini mempunyai teknologi untuk memisahkan ekstrak daripada Tongkat Ali dan menghasilkan produk dengan kepekatan yang tepat daripada ekstrak ini. Kami tiada bantahan terhadap Biotropics dalam usahanya memasarkan barang ekstrak yang ditulenkannya sebagai versi Tongkat Ali yang lebih baik dan selamat, serta bersaing untuk pasaran dengan pengeluar tradisional yang mungkin menggunakan cara yang lebih 'mentah' untuk mengeluarkannya. Biar rakyat Malaysia sendiri menentukan sama ada ia berbaloi untuk membeli produk Tongkat Ali yang dituleni dan lebih mahal daripada Biotropics ataupun kekal melanggani pembekal tradisional," begitu katanya Dr. Jeyakumar semasa mengulas isu ini.

"Kenapa kita perlu membuat peraturan yang membenarkan kepentingan komersial yang berkuasa untuk mewujudkan monopoli terhadap produk yang sudah dikenali oleh rakyat tempatan dan mengenakan harga yang terlalu tinggi untuk sesuatu

yang bukan ditemui atau dicipta oleh syarikat komersial ini? Adanya sesuatu tidak betul dengan proses permohonan paten di negara kita. Jelasnya, ia boleh disalahgunakan," tambah Dr. Jeyakumar.

PSM menyeru pada Kerajaan Malaysia supaya memberi perhatian kepada kejanggalan ini dalam peraturan paten di negara kita dan menghentikan "pemagaran ke atas harta awam".

PSM juga menyeru pada pengeluar Tongkat Ali tradisional supaya bersatu dan menyampaikan pandangan mereka dengan berjumpa dengan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan, dan jika perlu, failkan kes di mahkamah untuk mencabar Biotropics. Kumpulan-kumpulan pengguna di negara kita patut bersama dalam menyokong pengeluar-pengeluar tradisional untuk membantah perkara yang tidak munasabah ini.

Dr. Jeyakumar bertegas, "Pencurian terhadap ilmu pengetahuan tradisional kita tidak boleh dilepaskan begitu sahaja tanpa dicabar!" ##

Garis kemiskinan Malaysia tidak cerminkan realiti

Dakwaan Kerajaan Malaysia bahawa negara kita mencatat kadar kemiskinan negara yang terendah di dunia, telah dipertikai oleh Philip Alston selaku Pelapor Khas Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) mengenai kemiskinan tegar dan hak asasi manusia. Pakar hak asasi manusia PBB tersebut menyatakan bahawa Kerajaan Malaysia menetapkan pendapatan garis kemiskinan yang terlalu rendah yang tidak mencerminkan kos sara hidup sebenar dan tidak mengambil kira rakyat terpinggir dalam angka rasminya.

Alston berpandangan bahawa Kerajaan Malaysia perlu mengkaji semula segera kaedahnya mengukur kemiskinan supaya ia sejajar dan selaras dengan kos sara hidup sebenar dalam negara. Golongan bukan warganegara (termasuk pekerja migran dan pelarian) juga perlu disertakan dalam kaedah pengukuran kemiskinan yang baru.

"Walaupun tidak dapat dinafikan bahawa Malaysia telah mencapai pertumbuhan yang mengagumkan dalam mengurangkan kemiskinan dalam tempoh 50 tahun yang lalu, dakwaan kerajaan bahawa kemiskinan telah berjaya dibasmi atau hanya wujud dalam kelompok-kelompok kecil di kawasan luar bandar, adalah tidak tepat dan ini telah melumpuhkan penggubalan dasar," kata Philip Alston dalam kenyataannya pada 23 Ogos lalu selepas lawatannya selama 11 hari ke Malaysia untuk meninjau situasi kemiskinan di negara kita.

Kadar kemiskinan rasmi di Malaysia telah turun dari 49% pada tahun 1970 kepada hanya 0.4% pada tahun 2016. Namun, pendapatan garis kemiskinan (PGK) yang ditetapkan pada kadar RM980

(bersamaan USD235) sebulan bagi setiap isi rumah, bermakna sebuah keluarga dengan 4 orang anggota di kawasan bandar hanya terpaksa hidup dengan RM8 bagi setiap orang setiap hari, ataupun kurang daripada USD2 bagi setiap orang setiap hari.

"Garis kemiskinan serendah ini adalah tragik bagi sebuah negara yang hampir mencapai status berpendapatan tinggi, lebih-lebih lagi apabila terdapat pelbagai analisis yang telah mencadangkan kadar kemiskinan yang lebih realistik sebanyak 16-20%, dan kira-kira 9% daripada isi rumah masih hidup dengan kurang daripada RM2,000 (bersamaan USD479) sebulan," kata Alston.

"Kadar kemiskinan sebenarnya adalah jauh lebih tinggi daripada yang digambarkan oleh angka-angka rasmi, dan kerajaan perlu menilai semula caranya mengukur kemiskinan supaya kesusahan yang dihadapi oleh ramai rakyat Malaysia tidak dilesapkan begitu sahaja dengan memandang ringan pada statistik," ulas Alston.

Alston menggesa pada Kerajaan Pakatan Harapan untuk segera mempertimbangkan semula pendekatannya jika negara Malaysia ingin mencapai sebarang kemajuan dalam menangani isu kemiskinan ini.

Alston berkata, "Walaupun terdapat penjagaan kesihatan yang hampir sejahtera dan kadar kemasukan sekolah yang tinggi bagi warganegara, serta ekonomi yang sedang bertumbuh, tetapi sebahagian besar penduduk masih ketinggalan dan ramai yang dikatakan hidup di atas garis kemiskinan rasmi adalah sebenarnya masih hidup dalam kemiskinan."



"Saya berbual dengan keluarga yang bersusah payah untuk membayar sewa, mereka dengan anak-anak tidak mampu untuk pergi ke sekolah, dan yang tidak mendapat penjagaan kesihatan disebabkan oleh kos pengangkutan."

Penetapan garis kemiskinan pada kadar yang rendah berbanding realiti telah membawa kepada kekurangan peruntukan dana kerajaan dalam mengurangkan kemiskinan dan membekalkan jaring keselamatan sosial yang mencukupi untuk memenuhi keperluan rakyat.

Alston juga mengetengahkan isu masyarakat orang asli yang menghadapi kadar kemiskinan yang lebih tinggi. "Walaupun terdapat komitmen kerajaan yang wajar dipuji untuk menjamin hak mereka, tanah adat masyarakat orang asli masih terancam, lantas turut menjelaskan kehidupan, jaminan makanan dan akses kepada perubatan tradisional mereka. Saya amat terganggu apabila mendengar pegawai kerajaan negeri bercakap tentang perlunya masyarakat orang asli 'menyesuaikan diri' dan ditempatkan semula ke kawasan bandar untuk mendapatkan hak mereka," katanya.

Alston telah menjelajah ke Kuala Lumpur, Selangor, Sarawak, Sabah dan Kelantan semasa lawatannya ke Malaysia. Beliau telah bertemu dengan pegawai-pegawai daripada Kerajaan Persekutuan dan Negeri, agensi antarabangsa yang berada di Malaysia, masyarakat sivil, ahli-ahli akademik dan masyarakat yang hidup dalam kemiskinan. Dr. Jeyakumar Devaraj, Pengurus Parti Sosialis Malaysia (PSM), turut memberikan inputnya melalui kapasiti individu, dengan mengetengahkan masalah yang dihadapi oleh golongan

yang tiada kewarganegaraan, pelarian, masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia dan ibu tunggal daripada golongan B40 (berpendapatan terbawah 40%). Jaringan Rakyat Tertindas (JERIT) turut menyerahkan inputnya yang memfokus pada isu pengusiran yang dihadapi oleh masyarakat peneroka bandar, pekerja ladang dan petani kecil.

Pelapor Khas PBB mengenai kemiskinan tegar dan hak asasi manusia tersebut akan membentang laporan lengkap dengan kesimpulan dan cadangannya kepada Majlis Hak Asasi Manusia PBB di Geneva pada bulan Jun 2020.

Laporan awal Pelapor Khas PBB ini telah mengundang reaksi yang defensif daripada Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Mohamed Azmin Ali. Azmin menyatakan "kekecewaannya" terhadap kenyataan Alston, dan mempertahankan pendekatan Kerajaan Malaysia dalam penetapan garis kemiskinan, serta menegaskan bahawa kadar kemiskinan di negara kita hanya 0.4% seperti pada tahun 2016. Kerajaan Malaysia sebenarnya tidak perlu terasa terganggu dengan laporan Pelapor Khas yang cuba membantu dalam usaha pembasmi kemiskinan di negara kita, kerana penafian yang berterusan tentang realiti masyarakat kita seperti yang pernah dilakukan oleh kerajaan sebelum ini hanya akan mengekalkan ketidakadilan sosial dengan rakyat miskin masih hidup dalam kesengsaraan. Penetapan garis kemiskinan yang lebih mencerminkan realiti masyarakat sebenar adalah penting untuk penggubalan dasar sosio-ekonomi yang mampu membasmi kemiskinan dan menjamin kesejahteraan rakyat biasa. ##



Philip Alston, Pelapor Khas Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) mengenai kemiskinan tegar dan hak asasi manusia, melawat Kampung Numbak di Sabah. (foto oleh Bassam Khawaja)

Kita perlu fikir di luar kotak


oleh Jeyakumar Devaraj

Kebanyakan perbincangan berkenaan dengan pembangunan perkhidmatan kesihatan di Malaysia adalah dalam kerangka yang menerima peningkatan dari 3% ke 6% dalam peruntukan Belanjawan Kesihatan setiap tahun sebagai norma untuk masa hadapan yang boleh dijangka. Para perancang dalam Kementerian Kesihatan dan juga ramai aktivis masyarakat sivil bersetuju bahawa adalah tidak munasabah untuk meminta peruntukan yang lebih besar untuk kesihatan kerana kerajaan perlu membayai banyak perkhidmatan yang lain. Kesepakatan untuk meningkatkan belanjawan kesihatan peringkat Persekutuan pada kadar yang sangat minimum ini menyebabkan para perancang mempertimbangkan secara serius sumber pendanaan yang lain, maka mula bermain-main dengan idea seperti "kerjasama" dengan sektor swasta untuk cuba memenuhi keperluan kesihatan negara (Kerjasama Awam-Swasta), penswastaan sesetengah perkhidmatan sama sekali, Tabung Kesihatan Kebangsaan yang berdasarkan cukai tambahan ke atas rakyat pekerja, dan sebagainya.

Namun, adakah peningkatan dalam belanjawan kesihatan pada kadar yang rendah ini sesuatu yang tidak boleh berubah? Adakah ia sesuatu yang akan menjadi berterusan? Mari kita pertimbangkan Gambarajah 1.

Gambarajah 1 jelasnya menunjukkan bahawa kadar perbelanjaan kerajaan berbanding Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) telah semakin berkurangan sejak tahun 1980-an. Dan perkara yang serupa sedang berlaku di seluruh dunia, membawa kepada defisit belanjawan dan hutang

Gambarajah 1: Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan berbanding KDNK



Gambarajah 2: Perhargaan pindahan dan pengelakan cukai

A. Pengeluaran komoditi di Amerika Syarikat (AS)



Syarikat perlu membayar cukai di AS untuk keuntungan USD 20.

B. Selepas pengeluaran komoditi yang sama disumberkan luar ke Malaysia



Syarikat hanya perlu membayar cukai untuk "keuntungan" USD 2.50 di Malaysia dan "keuntungan" USD 7.50 di AS. Sebahagian besar keuntungannya USD 92.50–42.50 diisyihar di Tempat Berlindung Cukai di mana kadar cukai sangat rendah.

Nota:

- 1. Jauh lebih murah daripada harga di kilang AS kerana kos buruh jauh lebih rendah di Malaysia.
- 2. Syarikat TBC = Syarikat yang berdaftar di Tempat Berlindung Cukai

negara yang melambung tinggi di seluruh dunia. Adalah mustahak untuk kita menyedari bahawa ini bukannya pembangunan yang "semulajadi". Ini ialah hasil daripada pertumbuhan kuasa golongan 1% teratas dalam masyarakat berbanding golongan 90% di bawah. Ini ialah fenomena masyarakat, dan seperti kebanyakan fenomena masyarakat, ia dapat ditangani dengan tindakan politik dan perundangan yang sesuai.

Terdapat dua sebab utama untuk pengurangan dalam pendapatan kerajaan Malaysia sebagai peratusan KDNK. Yang pertama adalah cukai korporat negara kita telah dikurangkan secara beransur-ansur dari 40% daripada keuntungan korporat pada tahun 1988 kepada 24% sekarang ini. Ini

kerana negara kita terlibat dalam perlumbaan ke bawah dengan Singapura dan Thailand untuk menarik pelaburan asing (FDI) secara terdesak! Kurungan cukai tertinggi untuk cukai pendapatan perorangan juga dikurangkan secara berterusan untuk sebab yang sama.

Sebab yang kedua untuk penurunan pendapatan kerajaan berbanding dengan KDNK adalah kerana liberalisasi kewangan yang sedang berlaku – yang digalakkan tanpa rasa malu oleh Bank Dunia dan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), dan dituliskan dalam "Perjanjian Perdagangan" – telah menjadikan lebih sedang untuk syarikat korporat besar dan individu mahakaya untuk mengelakkan diri daripada membayar cukai. Syarikat korporat sekarang boleh melakukan pindah-harga keuntungan mereka ke tempat berlindung cukai, dengan itu mengelakkan cukai di negara di mana nilai dihasilkan (Malaysia) dan juga negara asal mereka (Amerika Syarikat atau Eropah) di mana nilai itu direalisasikan melalui penjualan komoditi. Keuntungan diisyihar di tempat berlindung cukai. (Lihat Gambarajah 2 untuk keterangan mengenai perkara ini.) Liberalisasi persekitaran kewangan antarabangsa ini mencerminkan peningkatan dominasi modal besar dalam era di mana parti politik berdasarkan kesatuan sekerja di Kesatuan Eropah dan Amerika Syarikat telah dikeluarkan isi perutnya oleh penyumberan luar pengeluaran ke negara-negara Asia, khususnya China.

Negara-negara seperti Malaysia adalah disekat daripada mengambil langkah-langkah yang drastik dalam jangkamasa pendek untuk menangani masalah pengelakan cukai, dengan mereka takut pada pelarian modal dan penurunan dalam pelaburan kerana 0.1% yang terkaya akan beralih ke "padang rumput yang lebih hijau". Namun, menganggap sistem kewangan antarabangsa yang sedia wujud sebagai sesuatu yang tidak dapat diubah dan kita perlu merancang di bawahnya (sehingga selama-

lamanya) adalah pemikiran yang salah dan politik yang malas! Ya, kita perlu berusaha dalam forum antarabangsa dan melobi negara-negara yang lain di dalam dunia sedang membangun. Ia akan mengambil masa untuk mengatasi kecenderungan neoliberal yang dibuang ke dalam minda ramai ahli ekonomi kerajaan oleh Bank Dunia dan IMF. Namun, inilah perjuangan yang perlu kita lakukan jika kita berhasrat untuk memberikan makna kepada slogan "Merdeka!" yang begitu bangga kita laungkan 31 Ogos setiap tahun!

Apa yang perlu dilakukan oleh usaha antarabangsa secara kolektif ini adalah menggubal undang-undang yang:

- Mengenakan penalti ke atas negara-negara yang mengurangkan lagi kadar cukai korporat mereka. Perjanjian-perjanjian perdagangan bebas boleh diubahsuai untuk mencapai matlamat ini.
- Mengharamkan pengubahan laluan eksport dari negara-negara sedang membangun melalui tempat berlindung cukai sebelum sampai ke negara-negara penerima barang, yang bukan bertujuan untuk peningkatan produk tetapi pengelakan cukai melalui perhargaan pindahan.
- Mewajibkan pengisytiharan nilai tambah yang tepat di negara-negara sedang membangun yang mengeluarkan produk-produk supaya cukai boleh dikenakan ke atas nilai tambah yang sebenar. Kita perlu mendapatkan bahagian yang adil untuk nilai yang kita tambahkan ke dalam pengeluaran rantaian global ini!

Tiada satupun daripada ini semua akan dapat dicapai dengan mudahnya. Namun, adalah tidak mustahil untuk mencapai semua ini. Yang pertama, kita perlu membebaskan diri dari ruang kotak neoliberal di mana Institusi Bretton Woods meletakkan kita ke dalamnya! ##

Dr. Jeyakumar Devaraj ialah Pengerusi Nasional Parti Sosialis Malaysia (PSM).

Isytihar Darurat Iklim bertindak sebelum parah

Bumi kita sedang menghadapi kecemasan kerana ancaman krisis iklim yang semakin hebat. Kerajaan-kerajaan di seluruh dunia perlu menganggap ini sebagai satu keadaan darurat dan mengambil tindakan segera untuk menangani krisis iklim sebelum terlambat!

Gelombang aksi mogok iklim yang hebat melanda lagi seluruh dunia pada bulan September lalu dengan jumlah peserta yang lebih besar, untuk menyuarakan tuntutan rakyat sedunia supaya tindakan segera diambil untuk menangani krisis iklim

Aksi protes untuk iklim juga diadakan di Malaysia, dengan ratusan orang berhimpun di Kuala Lumpur pada 21 September lalu, sementara satu perhimpunan yang lebih kecil turut diadakan di Pulau Pinang pada hari itu. Aksi protes iklim #MyClimateStrike di Malaysia membawa 4 matlamat:

1. Isytihar DARURAT IKLIM dengan memberi fokus kepada pembentukan polisi dan memobilisasi dana untuk membendung krisis iklim.
2. Pecahkan dinding pasif politik dan media massa Malaysia mengenai krisis iklim.
3. Tingkatkan kesedaran awam tentang krisis iklim.
4. Tingkatkan visibiliti tentang isu krisis iklim di negara-negara ASEAN dan Malaysia secara khususnya.

global yang sedang mengancam ekologi bumi dan kehidupan manusia sejagat.

Siri mogok dan protes yang berlangsung dari 20 hingga 27 September lalu, diadakan bersempena dengan Persidangan Tindakan Iklim Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) di New York pada 23 September lalu. Aksi mogok iklim pada 20 September lalu, merupakan aksi mogok iklim serentak di seluruh dunia yang ketiga berikutnya aksi mogok yang serupa pada 15 Mac dan 24 Mei

2019. Selain mogok pelajar, aksi protes juga disertai oleh ramai orang dewasa yang berdiri bersama dengan anak-anak muda untuk memperjuangkan masa hadapan dunia yang lebih hijau dan bebas daripada ancaman krisis iklim.

Aksi protes pada 20 September merupakan aksi mogok iklim yang terbesar setakat ini, dengan lebih 4 juta orang mengambil bahagian dalam pelbagai aksi di 150 buah negara seluruh dunia. Di negara Jerman sahaja, seramai 1.4 juta

orang menyertai aksi mogok iklim. Lebih 2,000 orang ahli sains di 40 buah negara telah menyatakan sokongan padu mereka terhadap mogok ini.

Gelombang aksi protes antarabangsa diteruskan pada 27 September lalu. Dilaporkan seramai 1 juta orang berprotes untuk iklim di Itali pada hari itu. Di Kanada, Suruhanjaya Sekolah Montréal membatalkan kelas di bandar Montréal yang melibatkan 114,000 orang pelajar.

“Jika pemimpin dunia memilih untuk hampakan kita, generasiku tidak akan maafkan mereka!”

Aksi mogok iklim yang mendapat sambutan hebat di seluruh dunia ini, mendapat inspirasi daripada Greta Thunberg, seorang aktivis pelajar Sweden yang baru berumur 16 tahun. Ketika beliau masih berusia 15 tahun, Greta Thunberg mengambil keputusan untuk tidak hadir ke sekolah dan berprotes di hadapan bangunan Riksdag (iaitu Parlimen Sweden) setiap hari pada waktu sekolah, dari 20 Ogos 2018 sehingga hari pengundian pilihanraya Sweden pada 9 September 2018, demi menuntut pada kerajaan Sweden supaya mengurangkan pembebasan karbon mengikut ketetapan Perjanjian Iklim Paris 2015. Selepas pilihanraya umum Sweden, Greta Thunberg meneruskan mogok sekolah dan aksi protes di hadapan bangunan Riksdag setiap hari Jumaat. Aksinya mendapat perhatian ramai sehingga mencetuskan gelombang aksi mogok pelajar di seluruh dunia.

Pada pertengahan bulan Ogos lalu, Greta Thunberg memulakan perjalanan jelajahnya merentasi Lautan Atlantik dengan kapal layar dari Britain ke Amerika Syarikat untuk menghadiri Persidangan Tindakan Iklim PBB di New York. Di dalam Perhimpunan Agung PBB, Thunberg memulakan ucapannya dengan berkata,

“Ini semuanya salah. Saya tidak sepatautnya berdiri di sini. Saya sepatautnya balik ke sekolah di seberang lautan sana. Tetapi

engkau semua datang kepada saya untuk menagih harapan? Berani kau! Engkau telah mencuri impian saya dan zaman kanak-kanak saya dengan kata-kata kosong kamu. Namun, saya ialah salah seorang yang bertuah. Orang sedang menderita. Orang sedang mati. Seluruh ekosistem sedang runtuh. Kita sedang berada di permulaan kepupusan besar-besaran. Dan engkau semua hanya bercakap tentang wang dan cerita dongeng pertumbuhan ekonomi selama-lamanya. Berani kau!”

Greta Thunberg mengulas,

“Untuk mendapatkan peluang 67% supaya berada di bawah kenaikan suhu global 1.5°C – kemungkinan terbaik yang diberikan oleh Panel Antara Kerajaan tentang Perubahan Iklim (IPCC) – dunia mempunyai sebanyak 420 gigatan karbon dioksida tinggal untuk dilepaskan pada 1 Januari 2018. Hari ini angka tersebut telah turun kepada kurang daripada 350 gigatan. Berani kau berpura-pura bahawa ini akan dapat diselesaikan dengan membuat bisnes seperti biasa dan sedikit penyelesaian secara teknikal. Dengan tahap pelepasan hari ini, baki karbon dioksida boleh dilepaskan yang tinggal itu akan hilang sepenuhnya dalam tempoh kurang daripada lapan tahun setengah.

Tidak akan adanya apa-apa penyelesaian atau rancangan yang dibentangkan seiring dengan

angka-angka hari ini. Ini kerana angka-angka ini terlalu tidak selesa. Dan kamu masih tidak cukup matang untuk memberitahu kebenaran.

Engkau sedang mengkhianati kami. Namun orang muda sudah mula menyedari pengkhianatan kau. Mata semua generasi masa akan datang sedang memerhatikan kau. Dan jika kau memilih untuk hampakan kami, saya berkata kami tidak akan memaafkan kau. Kami tidak akan membiarkan kau melepaskan diri daripada ini. Di sini juga, pada ketika ini juga di mana

kita melukiskan garisannya. Dunia sedang bangkit. Dan perubahan sedang datang, sama ada anda suka atau tidak.”

Ini merupakan tanggisan anak muda kita hari ini terhadap kegagalan pemimpin dunia yang tidak mempedulikan ekologi alam sekitar dan kesejahteraan rakyat yang sebenar, kerana elit pemerintah terlalu taksub dengan penjanjana keuntungan untuk korporat besar dalam sistem ekonomi kapitalis.

(sambung di m/s 9)



(sambung dari m/s 8)

Corak iklim global mengalami perubahan yang membimbangkan akibat daripada aktiviti masyarakat manusia yang membebaskan karbon ke dalam atmosfera bumi. Perubahan iklim yang mendatangkan fenomena cuaca yang ekstrim sedang mengancam kehidupan masyarakat sedunia.

Glasier semakin berkurangan, ais laut semakin mencair, paras laut semakin meningkat, lautan semakin panas, cuaca semakin tidak menentu, flora dan fauna di merata tempat terkesan dengan pemanasan global. Penduduk dunia juga semakin kerap menghadapi bencana alam yang luar biasa dan dahsyat, seperti ribut, banjir, cuaca panas yang melampau dan kemarau yang berpanjangan.

Masalah pemanasan global timbul akibat daripada peningkatan gas rumah hijau yang mengandungi karbon dalam atmosfera bumi. Gas rumah hijau merangkumi karbon dioksida (CO_2), metana (CH_4), nitrus oksida (N_2O), hidrofluorokarbon (HFC), perfluorokarbon (PFC) dan sulfur heksafluorida (SF_6).

Kandungan karbon dioksida di dalam atmosfera telah meningkat sejak zaman revolusi industri dan sekarang berada pada paras tertinggi dalam tempoh 4 juta

Perjanjian Iklim Paris 2015 yang dipersetujui oleh pemimpin-pemimpin dunia, telah menetapkan sasaran untuk "menahan peningkatan suhu purata global rata-rata jauh di bawah 2°C melebihi tahap-tahap pra-industri serta mencari usaha-usaha untuk mengehadkan peningkatan suhu kepada 1.5°C melebihi tahap pra-industri". Namun, pada masa kini, bumi kita sedang berada di landasan kenaikan suhu purata 4°C pada penghujung abad ke-21, iaitu satu keadaan yang bakal menimbulkan akibat yang jauh lebih teruk untuk kehidupan di bumi. Banyak negara masih menggunakan arang batu dan gas asli untuk penjanaan tenaga elektrik, dan ini akan mendorong peningkatan suhu purata kerana masih melepaskan karbon ke dalam atmosfera. Hakikatnya pada hari ini, dunia kita tidak mampu lagi menanggung kenaikan suhu.

Menurut Laporan Khas mengenai Pemanasan Global 1.5°C yang diterbitkan oleh IPCC pada 8 Oktober 2018, menghadkan peningkatan suhu purata dunia pada 1.5°C adalah berkemungkinan tetapi memerlukan "pengurangan pelepasan yang mendalam" dan "perubahan yang cepat, meluas dan tidak pernah dilakukan sebelum ini dalam semua aspek masyarakat". Laporan tersebut juga mengatakan bahawa menghadkan pemanasan bumi dalam lingkungan 1.5°C berbanding 2°C akan mengurangkan kesan-kesan buruk terhadap ekosistem, kesihatan dan kesejahteraan masnusia, kerana peningkatan suhu ke 2°C akan memburukkan lagi impak alam sekitar seperti cuaca yang ekstrim, peningkatan paras laut yang lebih cepat, pengurangan hebat ais laut di Artik, kepupusan terumbu karang dan kehilangan ekosistem yang sensitif pada perubahan suhu.

Krisis iklim sedang menghantui dunia

tahun kebelakangan ini. Kadar peningkatan karbon dioksida pada masa kini lebih menakutkan, iaitu masyarakat manusia sedang melepaskan karbon dioksida pada kadar 10 kali ganda lebih cepat berbanding mana-mana waktu dalam 660 juta tahun yang lepas. Ahli-ahli sains telah menyatakan bahawa kita sedang berada dalam "wilayah yang tidak dipetakan" untuk iklim sedunia, dengan kesannya terhadap kehidupan di atas darat dan di dalam lautan mungkin akan lebih teruk lagi berbanding mana-mana zaman sebelum ini sejak kepupusan dinosauro.

Salah satu penyumbang penting kepada peningkatan karbon dioksida dalam atmosfera bumi ialah pembakaran bahan api fosil. Pembakaran bahan api fosil dalam penjanaan tenaga dan penggunaan kenderaan berenjin motor, telah menyumbang jumlah pelepasan karbon di atmosfera yang terlalu banyak sehingga mengancam masyarakat manusia sendiri.

Berbilion tan karbon dioksida dilepaskan ke dalam atmosfera setiap tahun daripada pembakaran arang batu, minyak petroleum dan gas. Sehingga kini, masih tiada petanda bahawa kadar pelepasan karbon dioksida ini mula berkurang secara signifikan seperti yang

diperlukan.

Satu lagi sebab kepada peningkatan pelepasan karbon ke dalam atmosfera, ialah penebangan hutan. Penebangan hutan untuk balak, perternakan lembu, penanaman soya dan perladangan kelapa sawit, merupakan penyumbang yang signifikan kepada pelepasan karbon. Penebangan hutan juga menyebabkan penghapusan hidupan liar di muka Bumi kita.

Peningkatan paras karbon dalam atmosfera menyebabkan suhu purata Bumi meningkat secara hebat untuk dua abad kebelakangan ini, dengan peningkatan yang mendadak sejak Perang Dunia II, kerana pertumbuhan ekonomi kapitalis yang pesat. Pemanasan global bermakna lebih tenaga wujud dalam atmosfera Bumi, menjadikan cuaca yang melampau semakin kerap dan lebih sengit.

Akibat daripada pemanasan global, Greenland telah kehilangan hampir 4 trilion tan ais sejak tahun 2002. Banjaran gunung dari Himalaya ke Andes dan Alps, turut kehilangan ais secara cepat kerana pengurangan glasier di situ. Satu pertiga daripada ais di Pergunungan Himalaya dan Hindu Kush sudahpun lebur.

Paras air laut sedunia telah naik lebih kurang 8 inci sejak tahun 1880, dan dijangkakan akan naik sebanyak 1 hingga 4 kaki pada tahun 2100. Kenaikan paras air laut ini terjadi akibat daripada peleburan ais di muka bumi dan pengembangan air laut apabila dipanaskan. Kenaikan paras air laut sedang menjadikan petempatan manusia di pesisir pantai.

Gelombang haba yang melampau mengakibatkan kemarau yang berpanjangan dan menjadikan bekalan air bersih kepada rakyat biasa. Aktiviti pertanian juga semakin terkesan kerana iklim yang tidak menentu dan ini menjadikan jaminan bekalan makanan kepada manusia.

Atmosfera yang lebih panas turut menyebabkan pembentukan jerebu yang lebih kerap dan memburukkan lagi pencemaran udara yang memudaratkan kesihatan orang ramai.

Memang rakyat Malaysia tidak asing lagi dengan ancaman jerebu. Jerebu yang menghantui Malaysia baru-baru ini, bukannya sesuatu yang semulajadi, tetapi kebakaran tanah gambut dan hutan yang disebabkan oleh aktiviti pembukaan tanah untuk kawasan perladangan.

Perlu tindakan lebih drastik untuk bendung malapetaka

Pelepasan karbon ke dalam atmosfera pada masa kini sebenarnya sudah melepassi had yang sepatutnya untuk membendung krisis iklim sedunia. Sebarang tambahan pelepasan karbon ke dalam atmosfera tidak lagi selamat untuk manusia. Kita memerlukan perubahan secara dasar untuk mengurangkan pelepasan karbon, iaitu perubahan kepada sistem yang sedia ada.

Sistem kapitalis sedang membunuh Bumi kita, alternatif eko-sosialisme diperlukan segera!

Sistem kapitalis yang berdasarkan maksimuman keuntungan korporat dengan dipacarkan oleh pembakaran bahan api fosil dan penggondolan sumber alam semula jadi yang tidak terkawal, sedang membunuh Bumi kita dan juga hidupan yang hidup di Bumi. Kita perlu menggantikan sistem kapitalis dengan alternatif yang mengutamakan kelestarian alam dan kesejahteraan rakyat biasa.

Langkah-langkah radikal yang patut diambil untuk menangani krisis iklim termasuk:

- Bertindak segera dalam menggantikan bahan api fosil dan bio-fosil dengan sumber-sumber tenaga boleh diperbaharui yang bersih dan selamat.
- Kenakan cukai lebih tinggi untuk golongan mahakaya dan korporat besar supaya memperoleh

lebih banyak dana yang dapat dilaburkan dalam teknologi hijau yang mampu menjana lebih peluang pekerjaan hijau untuk pekerja biasa.

- Tingkatkan pengangkutan awam yang menjimatkan penggunaan tenaga dengan rangkaian yang menyeluruh dan efisien;
- Mendorong petani-petani mengubah pengeluaran kepada pertanian bersifat ekologi, mempertahankan pengeluaran dan pengagihan makan setempat.
- Menstruktur semula sistem pengekstrakan, pengeluaran dan pengagihan yang sedia ada untuk menghapuskan pengeluaran sisa-sisa buangan, pencemaran dan pengiklanan yang bersifat manipulatif. Memberikan latihan semula yang sepenuhnya kepada pekerja-pekerja dan komuniti yang terkesan kerana penstruktur semula ini.
- Memperbaiki rumah dan

bangunan yang sedia ada untuk meningkatkan kecekapan tenaga.

- Hentikan semua operasi ketenteraan, mentransformasi angkatan bersenjata kepada pasukan sukarelawan yang bertanggungjawab dalam memulihkan ekosistem dan membantu mangsa-mangsa bencana alam.

Kita sudah kesuntukan masa untuk bertindak dan perlu melakukan perubahan sebenar supaya mengelakkan Bumi kita daripada terus terjerumus dalam kemasuhan akibat krisis iklim.

Semua kerajaan, termasuk Kerajaan Malaysia, perlu mengisyihar Darurat Iklim sekarang juga, supaya dapat mengambil tindakan segera secara serius untuk melaksanakan semua langkah yang perlu untuk menghadapi dan menangani krisis iklim sedunia. ##



Alternatif hijau untuk Malaysia

Parti Sosialis Malaysia (PSM) telah mengemukakan satu kertas posisi tentang krisis iklim yang menggariskan cadangan-cadangan PSM untuk menangani krisis iklim di Malaysia. PSM berharap kertas posisi ini akan memberi nilai tambah kepada perbincangan tentang topik yang sangat penting ini dan membantu dalam membangunkan alternatif yang mampu menangani isu krisis iklim.

PSM sedang mendapatkan maklum balas daripada masyarakat sivil di Malaysia berkenaan dengan cadangan-cadangan yang dikemukakan dalam kertas posisi PSM tentang krisis iklim. Oleh itu, PSM amat mengalui aluan kritikan terhadap pandangan PSM ini dan cadangan untuk alternatif yang lebih baik.

Cadangan PSM



Sektor penjanaan kuasa elektrik

Sektor penjanaan elektrik merupakan penyumbang gas rumah hijau yang terbesar di Malaysia, iaitu 30.5% (tahun 2015) daripada jumlah pelepasan gas rumah hijau di negara kita.

- Kerajaan Malaysia harus mengenakan **moratorium terhadap penggunaan arang batu, gas asli dan minyak** sebagai sumber tenaga elektrik.
- **Kebun solar** yang merangkumi satu kawasan yang luas dapat dibina untuk menjana elektrik. Dicadangkan kawasan perladangan kelapa sawit ditukar kepada tapak untuk panel-penel penjana tenaga elektrik daripada sumber tenaga matahari. **Panel solar terapung di permukaan air** juga boleh menjadi sumber untuk menjana elektrik.
- Kerajaan harus mengenakan syarat wajib untuk **pemasangan panel solar di atas bumbung bangunan**. Jika pihak Kerajaan memulakan inisiatif ini, pihak swasta juga boleh didesak untuk melakukan perkara yang sama. Kerajaan juga boleh melaksanakan sistem pemeteran bersih di mana tenaga berlebihan yang dijana oleh mana-mana entiti komersial boleh disalurkan semula ke dalam grid nasional.
- Kerajaan harus mempunyai satu sasaran **had tempoh masa untuk menghentikan penjanaan elektrik yang menggunakan arang batu**.
- **Menarik balik subsidi untuk harga gas asli** yang diberikan kepada penjanaan elektrik.
- Ladang-ladang yang tidak menggunakan biojisim yang dihasilkan sebagai produk samping, harus digalakkan untuk menjual sisa-sisa biojisim mereka kepada stesen penjana elektrik biojisim. (Adalah dijangkakan sebanyak 85 juta ton biojisim telah dihasilkan daripada industri perladangan kelapa sawit, tetapi hanya 30% daripada kilang kelapa sawit menggunakan sisa biojisim ini untuk menjana elektrik bagi kegunaan mereka sendiri sekarang ini.)
- **Menolak penggunaan tenaga nuklear untuk menjana elektrik**. Loji penjana kuasa nuklear memerlukan kos pembinaan yang tinggi. Tenaga nuklear mempunyai beberapa masalah lain seperti risiko bencana, pengurusan sisa buangan nuklear yang bersifat radioaktif dan sebagainya.
- Kerajaan harus mengambil usaha untuk **mengurangkan penggunaan tenaga elektrik** tanpa menjelaskan kualiti kehidupan rakyat dan produktiviti negara.
- Kerajaan harus mengkaji dan menggalakkan penggunaan **sumber-sumber tenaga boleh diperbaharui yang lain** seperti tenaga angin, geotermal, haba lautan dan ombak.

Dunia kita sekarang ini memang tiada banyak masa tinggal untuk melakukan sesuatu supaya mengelakkan malapetaka ekologi yang teruk akibat daripada krisis iklim. Walaupun negara Malaysia sebuah negara yang kecil dan hanya mengeluarkan sebahagian kecil daripada gas rumah hijau, namun pelaksanaan langkah-langkah efektif dalam pengurangan pelepasan gas rumah hijau di Malaysia pastinya akan memberi galakan kepada negara-negara yang lain untuk melakukan perkara yang sama.

PSM berharap dapat bergerak bersama rakyat Malaysia dalam usaha memobilisasi pandangan awam untuk menyokong perubahan yang diperlukan untuk menyelamatkan Bumi kita daripada ancaman krisis iklim.

Model ekonomi yang berlainan

Model pembangunan yang diamalkan di Malaysia pada ketika ini adalah tidak mampan, kerana memberikan tekanan yang terlalu hebat kepada alam sekitar.

Dalam usaha kita menangani krisis iklim, kita harus melakukan perkara seperti berikut:

1. Membina model ekonomi yang bersifat kitaran, yang bermula dengan menangani budaya kosumeris, mengurangkan penggunaan barang yang tidak diperlukan untuk mengurangkan pengeluaran sampah, mengamalkan kitar semula secara meluas dan mewujudkan pemprosesan sampah yang baik.
2. Mengawal perkembangan industri pengeluaran barang dan pengekstrakan sumber alam secara ketat untuk mengelakkan pencemaran alam.
3. Memelihara hutan dan kepelbagaiannya hidupan (biodiversiti).
4. Mengambil langkah yang konkrit untuk mengurangkan pelepasan gas rumah hijau.
5. Beralih secara seriusnya kepada sumber-sumber tenaga yang boleh diperbaharui. Mengamalkan penggunaan elektrik yang lebih efisien dan jimat tenaga.




Sektor pembuatan

Sektor industri pembuatan merupakan penyumbang kedua besar gas rumah hijau di Malaysia, iaitu 22.3% (tahun 2015). Angka ini tidak termasuk karbon dioksida yang dihasilkan untuk membekalkan tenaga elektrik kepada industri tersebut.

- Pembakaran bahan api fosil di kilang-kilang harus dikurangkan, dan digalakkan untuk beralih kepada penggunaan kuasa elektrik untuk tujuan pemanasan, melalui cara seperti pengenalan cukai karbon, membekalkan tenaga elektrik daripada grid nasional pada kadar harga yang munasabah, dan memberarkan kilang-kilang menggunakan sumber alternatif tenaga boleh diperbaharui untuk menjana elektrik.
- Gubal Akta Hak untuk Laluan, untuk memberarkan syarikat-syarikat melabur dalam penjanaan tenaga secara sendiri di tempat lain dan menggunakan grid elektrik sedia ada untuk menyalurkan kuasa elektrik ke kilang mereka.
- **Galakkan keefisienan tenaga** melalui cara seperti menggalakkan penukaran motor industri yang lama kepada motor berdasarkan penyongsang (*inverter*) yang baru. Suruhanjaya Tenaga harus memperkenalkan pelabelan wajib untuk semua motor industri dan mengharamkan pengimportan motor yang tidak efisien.
- **Galakkan penjanaan elektrik secara bersama yang berintegrasi**.

(sambung di m/s 11)






(sambung dari m/s 10)

Sektor pengangkutan

- Beralih dari kebergantungan pada pengangkutan persendirian dengan membina rangkaian kemudahan pengangkutan awam yang komprehensif. Cara yang paling cepat dan kurang memakan kos ialah membangunkan **rangkaian laluan bas yang effisien di bandar-bandar utama**.
- Menyahpusatkan kuasa pelaksanaan pengwujudan rangkaian transit massa bas** kepada peringkat negeri masing-masing. Penyusunan laluan bas patut dilakukan di peringkat majlis tempatan.
- Alihkan dana daripada peruntukan untuk projek merangsang penggunaan kenderaan persendirian (seperti pembinaan jalanraya baru, lebuhraya bertingkat dan terowong) kepada peningkatan pengangkutan awam, seperti pembelian bas berkuasa elektrik, pembinaan perhentian bas berbumbung, penubuhan rangkaian informasi pintar di perhentian bas dan stesen untuk mengecas semula bas.
- Kerajaan patut memulakan usahasama dengan syarikat yang mempunyai teknologi untuk mengeluarkan bas berkuasa elektrik.
- Wujudkan laluan khusus bas dalam perancangan bandar, supaya transit massa bas menjadi mod pengangkutan yang efisien.
- Setelah sesebuah bandar membangunkan sistem rangkaian transit massa bas yang boleh dipercayai, kerajaan perlu mengambil langkah untuk mengurangkan penggunaan kereta persendirian melalui pengenaan caj tambahan untuk penggunaan kereta persendirian.
- Merintis pembangunan lori berkuasa elektrik melalui sebuah syarikat berkaitan kerajaan (GLC). Ia akan mengurangkan banyak perbelanjaan jika lori yang sedia ada boleh diubahsuai untuk berjalan menggunakan kuasa bateri.
- Mempercepatkan penggunaan kenderaan pelepasan sifar (ZEV) seperti kenderaan berkuasa elektrik, melalui halangan untuk pembelian kereta petrol dan perluasan infrastruktur untuk menyokong ZEV.




Pengurusan sisa organik

- Kerajaan Malaysia harus berusaha membentuk **dasar sisa buangan sifar** dengan membangunkan **ekonomi kitaran** melalui langkah-langkah seperti **kitar semula, teknologi penangkapan bio-metana, pengurangan sisa buangan** dan **pengoptimuman sumber**.
- Majlis-majlis tempatan perlu menggubal undang-undan kecil untuk mewajibkan **pengasingan sisa buangan**.
- Majlis tempatan patut membina loji yang dapat menjana bio-metana daripada sisa makanan yang dikumpulkan, kemudiannya sama ada menyalurkannya ke dalam grid gas asli, atau menggunakan untuk turbin api yang menjana elektrik.
- Malaysia tidak patut membina logi pembakaran "sampah ke tenaga", kerana pembakaran sampah perbandaran yang mengandungi bahan-bahan plastik, sisa buangan kimia, sampah elektronik dan sebagainya akan melepaskan bahan-bahan toksik ke dalam udara.
- Jika dibenarkan oleh ekonomi berskala, loji pembentangan Indah Water Konsortium (IWK) patut diubahsuai untuk menghasilkan bio-metana.
- Sisa pertanian seperti sekam padi patut dibeli daripada petani dan digunakan untuk menghasilkan tenaga sama ada melalui pembakaran atau pengeluaran bio-metana.

Hutan di Malaysia

- Utamakan pemeliharaan hutan primer yang tinggal. Moratorium segera untuk menghentikan pembalakan hutan primer.
- Pindaan kepada undang-undang untuk pemberian lesen pembalakan ditentukan dan diawasi oleh sebuah jawatankuasa bi-partisan di dalam Dewan Undangan Negeri dan sebuah jawatankuasa selari dengan perwakilan daripada kementerian persekutuan, kumpulan alam sekitar dan masyarakat Orang Asli.
- Kerajaan Persekutuan membayar peruntukan khas RM200 per hektar hutan primer yang tidak terganggu setiap tahun kepada Kerajaan Negeri untuk membolehkan Kerajaan Negeri mendapat dana tanpa perlu memberikan lesen pembalakan. Jumlahnya lebih kurang RM 800 juta, bersamaan lebih kurang 10% dana Persekutuan dipindahkan kepada Kerajaan Negeri (mengikut angka tahun 2018).
- Penghutanan semula yang dilakukan melalui "ladang hutan" tidak patut dilakukan. Penghutanan semula hanya boleh dilakukan di kawasan yang sudah diperuntukkan sebagai hutan pengeluaran balak.
- Tingkatkan usaha untuk memastikan Kerajaan Negeri komited dalam melindungi Kawasan Sensitif Alam Sekitar dan kawasan hutan Banjaran Titiwangsa Semenanjung Malaysia. Semua projek pembangunan perlu mengambil kira koridor laluan hidupan liar dan memastikan laluan ini tidak diganggu.



Komitmen Malaysia untuk Perjanjian Paris

- Walaupun PSM menyokong secara prinsip konsep "tanggungjawab bersama tetapi berbeza", namun PSM berpendangan bahawa ia tidak patut menjadi alasan untuk tidak bertindak secara tegas untuk mengurangkan pelepasan gas rumah hijau di negara sedang membangun.
- PSM menyokong sepenuhnya keputusan Kerajaan Malaysia untuk meratifikasi Perjanjian Paris dan melaksanakan langkah-langkah untuk merealisasikannya.
- Kerajaan Malaysia harus menetapkan sasaran yang lebih tinggi berbanding janji negara Malaysia pada Persidangan Rangka Kerja Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Perubahan Iklim (UNFCCC).
- Kerajaan Malaysia tidak patut mengelirukan orang awam dan komuniti antarabangsa dengan menggunakan data statistik yang dimanipulasi.
- Kerajaan patut menubuhkan sebuah jawatankuasa bebas dengan perwakilan daripada ahli akademik dan kumpulan alam sekitar, untuk memberikan kita jangkaan yang lebih boleh dipercayai tentang parameter berkaitan pelepasan gas rumah hijau, penggunaan tenaga dan liputan hutan.
- Kerajaan Malaysia perlu menubuhkan sebuah jawatankuasa supra-kementerian untuk mengawasi dan menilai mitigasi pelepasan gas rumah hijau serta persiapan untuk menangani peristiwa iklim yang buruk. Jawatankuasa ini harus dipengerusikan oleh Perdana Menteri atau Timbalannya.
- Jawatankuasa supra-kementerian perlu membentangkan laporan progres tahunan di dalam Parlimen berkenaan dengan semua langkah yang telah dilaksanakan untuk mengurangkan pelepasan gas rumah hijau.
- Kerajaan Malaysia harus mengambil inisiatif untuk membincangkan pelaksanaan dasar hijau di peringkat ASEAN dan forum antarabangsa lain, supaya negara-negara sedang membangun tidak membelaikan usaha mitigasi pelepasan gas rumah hijau kerana desakan untuk "persaingan" menarik pelaburan. ##

Tambak laut untuk siapa?

Cadangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menjalankan projek penambakan laut di bahagian selatan Pulau Pinang yang bakal mewujudkan 3 buah pulau buatan manusia telah dibantah oleh masyarakat sivil dengan kebimbangan bahawa ia akan mendatangkan kesan yang buruk kepada kehidupan penduduk setempat dan alam sekitar.

Projek penambakan laut di selatan Pulau Pinang melibatkan tebusguna kawasan laut seluas 4,500 ekar, di sepanjang pesisir pantai Permatang Damar Laut, Sungai Batu, Teluk Kumbar dan Gertak Sanggul. Projek ini dikatakan akan menambahkan simpanan tanah untuk negeri Pulau Pinang, di mana lot tanah di atas pulau buatan manusia baru itu akan dijual untuk menjana dana yang dapat digunakan untuk membayai Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PTMP) yang dikatakan akan memakan belanja sebanyak RM 46 bilion secara keseluruhannya.

Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang dikemukakan selepas Kerajaan Negeri Pulau Pinang menerima kajian strategi perunding pakar Halcrow pada tahun 2013. Pada tahun 2014, Kerajaan Negeri Pulau Pinang membuka permintaan cadangan (RFP) kepada pihak swasta untuk mengemukakan cadangan pelaksanaan Pelan Induk Pengangkutan. Sebuah syarikat yang digelar SRS Consortium yang ditubuhkan khas untuk mendapatkan projek ini di samping merancang untuk melakukan penambakan laut di selatan Pulau Pinang, telah dilantik sebagai Rakan Pelaksana Projek (PDP) untuk Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang pada tahun 2015. SRS Consortium telah mengolah semula Pelan Induk Pengangkutan bersesuaian dengan kepentingannya dalam projek penambakan laut dan pembangunan harta tanah. SRS Consortium merupakan satu usahasama yang terdiri daripada syarikat pembinaan infrastruktur Gamuda Bhd (memegang 60%

saham) dengan dua buah syarikat pemaju harta tanah yang masing-masing menguasai 20% saham dalam syarikat konsortium itu, iaitu Ideal Property Development Sdn Bhd dan Loh Phoy Yen Holdings Sdn Bhd. SRS Consortium yang dibentuk oleh syarikat-syarikat yang bermotifkan keuntungan ini bersedia melaksanakan projek Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang dan penambakan laut di Selatan Pulau Pinang bukannya atas sebab melakukan kerja amal, tetapi untuk keuntungan mereka sendiri dengan kosnya akan ditanggung oleh rakyat.

Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang dalam versi yang digunakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang sekang ini sudahpun mempunyai pelbagai isu yang kontroversi, termasuk pembinaan Lebuhraya PIL (*Pan-Island Link*) yang akan menembusi kawasan bukit di tengah pulau dan hanya memburukkan

masalah kebergantungan terhadap kenderaan persendirian. Malah, projek penambakan laut di selatan Pulau Pinang yang dikatakan akan digunakan untuk membayai Pelan Induk Pengangkutan turut mengundang kemudarat yang akan memberi impak mendalam kepada rakyat setempat dan alam sekitar.



Kesan buruk penambakan laut

Penambakan laut akan mendatangkan kesan yang negatif kepada sistem ekologi dan kehidupan rakyat setempat di kawasan pesisir laut, antaranya:

- Kehilangan ekosistem persisiran pantai seperti hutan paya bakau, terumbu karang, rumput laut dan dataran lumpur. Ekosistem seperti hutan paya bakau berperanan sebagai penampang semula jadi yang melindungi kawasan persisiran pantai daripada limpahan banjir dan hakisan ombak.

- Menjejaskan komposisi kepelbagaiannya biologi.
- Mengganggu rantai makanan yang menjelaskan keseimbangan ekosistem.
- Meningkatkan pemendakan dan kekeruhan yang akan menyebabkan kesukaran untuk organisme bentik menyerap cahaya matahari bagi tujuan fotosintesis.
- Pencemaran air di persisiran pantai akibat daripada pengorekan yang menghasilkan ampaian bahan organik, logam

berat dan bahan pencemar lain.

- Mengakibatkan perubahan kepada sistem air bawah tanah di kawasan yang berkenaan sehingga memberi kesan kepada kawasan pertanian berhampiran (nilai pH atau kemasinan tanah berubah sehingga tidak sesuai untuk pertumbuhan tanaman).
- Melenyapkan sumber marin apabila ekologi di perairan pesisir laut yang ditambak itu dirosakkan.
- Akses nelayan dan masyarakat persisiran pantai kepada sumber pantai dan marin akan dirampas.
- Menjejaskan rezeki nelayan

akibat kehilangan kawasan menangkap ikan dan habitat marin.

- Menjejaskan kualiti hidup penduduk di persisiran pantai.

Kerajaan asyik berkata bahawa projek penambakan laut diperlukan untuk pembangunan. Memang rakyat memerlukan pembangunan untuk meningkatkan taraf hidup dan kesejahteraan kita, namun adakah pembangunan yang berpaduan dengan kepentingan pemaju harta tanah sekarang ini memberikan manfaat sebenar kepada rakyat?

Masyarakat sivil tolak projek penambakan

Masyarakat sivil di Pulau Pinang telah melancarkan satu kempena petisyen online untuk menyatakan bantahan terhadap cadangan untuk menambak laut dan mewujudkan 3 buah pulau di Selatan Pulau Pinang.

(Pautan petisyen online: <https://www.change.org/p/prime-minister-of-malaysia-save-penang-reject-the-3-islands-reclamation/>)

Masyarakat sivil telah membangkitkan masalah kekurangan rundingan awam dan maklumat lengkap mengenai projek penambakan ini.

Masyarakat sivil telah menyenaraikan sebab-sebab kita perlu menolak projek mega penambakan di Selatan Pulau Pinang, antaranya:

1. Projek penambakan ini akan memusnahkan kawasan persisiran pantai yang terkaya dengan sumber perikanan di Pulau Pinang. Sumber perikanan pantai merupakan jaminan keselamatan makanan kita, di samping membekalkan keperluan tempatan serta industri makanan dan pelancongan Pulau Pinang. Sekiranya kawasan pesisir laut ini dimusnahkan, harga makanan

laut akan melambung naik, dan melangkaui kemampuan penduduk Pulau Pinang.

2. Kehidupan nelayan pantai sejumlah 4,817 orang sedang dipertaruhkan. Nelayan-nelayan ini telah menyuarakan bantahan mereka. Pengalaman daripada nelayan-nelayan yang terjejas oleh projek penambakan di kawasan pantai utara Pulau Pinang untuk projek STP2 menunjukkan bahawa mereka tidak dilindungi dengan baik oleh Kerajaan Pulau Pinang walaupun diberikan jaminan.

3. Kesan perlombongan pasir yang digunakan untuk projek penambakan akan turut dirasai di Perak. Dasar laut (zon bentik) akan dikorek dan dimusnahkan.

4. Kawasan pantai yang sedia ada di Selatan Pulau Pinang akan habis dimusnahkan. Alam sekitar pantai Permatang Damar Laut, Gertak Sanggul dan Teluk Kumbar akan dirosakkan akibat penambakan.

5. Habitat pantai dan hidupan bawah air akan musnah. Tempat pembiakan Penyu Lipas (*Olive Ridley Turtle*) yang merupakan spesies terancam dan kawasan aktiviti ikan lumba-lumba akan

tergugat.

6. Projek penambakan tidak mempedulikan alam sekitar yang sedang menghadapi krisis iklim. Projek penambakan laut ini akan menjana tambahan 3.2 juta tan pelepasan karbon tahunan.

7. Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang yang terlampaui mahal dengan harga setinggi RM46 bilion tidak patut dijadikan alasan untuk menjustifikasi penambakan laut. Pelan Induk Pengangkutan perlu dikaji semula kerana versi terkininya tidak membawa penyelesaian yang bersepadan untuk masalah pengangkutan di Pulau Pinang dan tidak berdaya maju.

8. Alasan bahawa kekurangan tanah di negeri Pulau Pinang hanya sekadar dalih untuk menambak laut. Isu pokoknya ialah kepincangan dalam perancangan. Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) memiliki 4,500 ekar tanah di Seberang Perai dan boleh digunakan secara optimum dan tidak memerlukan lagi tambahan 4,500 ekar tanah melalui penambakan laut.

9. Kerajaan Pulau Pinang tidak telus dalam menyampaikan

maklumat mengenai projek ini.

10. Kekurangan ketelusan dalam proses perancangan dan pengurusan menimbulkan persoalan bahawa wujudnya agenda tersirat manipulasi harga tanah, spekulasi dan pembiayaan politik yang tidak diisyiharkan.

11. Pembangunan spekulatif ini berdasarkan kegelohan pemaju, bukannya keperluan rakyat. Walaupun gejala bangunan kondominium kosong menjadi-jadi, masalah harta tanah lebihan agak serius, dan projek penambakan pantai utara sedang berjalan (dengan keluasan hampir 900 ekar), Kerajaan Negeri masih mahu menambah 3 pulau (seluas 4,500 ekar). Ini sudah tentu akan memburukkan lagi masalah lebihan harta tanah (tetapi tidak mampu dibeli atau diduduki oleh rakyat biasa) di negeri Pulau Pinang.

12. Penambakan pulau akan membebani Kerajaan Negeri dengan kos penyelenggaraan yang akhirnya akan ditanggung oleh rakyat juga.

(sambung di m/s 13)

Jangan taburkan pasir dalam periuk nasi nelayan!

Laungan slogan "Tolak Tambak!", "Tolak Pulau Palsu!", "Bantah projek bodoh!", "Hidup nelayan!" menggegarkan jalan menuju ke Bangunan Parlimen di Kuala Lumpur pada 11 Julai lalu. Lebih kurang 200 orang yang prihatin pada isu penambakan laut mengadakan protes di hadapan Parlimen untuk menggesa kerajaan supaya menghentikan rancangan projek penambakan laut di Selatan Pulau Pinang.

Adanya nelayan membawa periuk yang diisi dengan pasir dan ikan kering, melambangkan impak penambakan laut kepada kehidupan dan rezeki nelayan.

Para peserta yang terdiri daripada nelayan dan anggota masyarakat sivil yang kebanyakannya datang jauh dari Pulau Pinang dan Perak, telah berhimpun berdekatan Tugu Negara sejak awal pagi lagi sebelum berarak menuju ke Bangunan Parlimen. Aktivis-aktivis sosial daripada organisasi seperti Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), Sahabat Alam Malaysia

(SAM), Persatuan Aktivis Sahabat Alam (KUASA), Persatuan Nelayan Pulau Pinang dan sebagainya telah hadir dalam aksi ini. Aktivis Parti Sosialis Malaysia (PSM) turut hadir untuk bersolidariti dengan para nelayan.

"Projek Penambakan Selatan Pulau Pinang (PSR) ialah satu projek mega yang akan menghancurkan kehidupan nelayan dan biodiversiti di kawasan itu, serta akan mengakibatkan kenaikan harga ikan bagi rakyat biasa... Hak rakyat dikorbankan supaya satu golongan kecil orang boleh mengaut keuntungan daripada projek ini. Ini mesti kita tolak," begitu katanya Mohideen Abdul Kader, Presiden Persatuan Pengguna Pulau Pinang, semasa menyampaikan ucapan kepada para peserta protes.

Projek penambakan laut di Selatan Pulau Pinang melibatkan tebusguna kawasan laut seluas 4,500 ekar, dengan lebih kurang 10,000 orang nelayan di Pulau Pinang dan Perak akan dijejaskan oleh projek ini. Perlombongan

pasir di luar pesisir pantai Perak untuk projek penambakan di Pulau Pinang, akan turut menjelaskan kehidupan nelayan di situ.

Rancangan penambakan laut di Selatan Pulau Pinang baru-baru ini telah mendapat kelulusan Laporan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) daripada Jabatan Alam Sekitar dengan meletakkan 72 syarat sebelum projek tersebut boleh dimulakan, tetapi masih tidak dapat memberi keyakinan kepada masyarakat sivil dan nelayan-nelayan kerana beberapa isu penting yang dibangkitkan masih belum ditangani dalam laporan EIA.

Dalam memorandum yang ditujukan kepada Perdana Menteri Mahathir Mohamad, wakil organisasi masyarakat sivil menyatakan bahawa projek penambakan laut di Selatan Pulau Pinang akan menghancurkan tapak perikanan yang paling kaya di bahagian Barat Laut Semenanjung Malaysia. "Menambak kawasan ini adalah serupa dengan menjelaskan jaminan makanan kita."

Wakil masyarakat sivil dan nelayan menyampaikan dua petisyen dengan tandatangan daripada sejumlah 165,000 orang kepada pihak kerajaan, dengan tuntutan kepada Majlis Perancangan Fizikal

Kebangsaan supaya:

- Membatalkan projek Penambakan Selatan Pulau Pinang (PSR).
- Mengkaji semula Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang oleh pakar pengangkutan dan profesional perancangan yang bebas. Dalam era Malaysia Baru ini, kita perlu mengamalkan ketelusuran yang sepenuhnya dalam perkara perancangan pengangkutan dan guna tanah yang berkaitan.
- Batalkan rancangan pembinaan Lebuhraya Pan-Island Link.
- Jika projek-projek ini tidak boleh dibatalkan serta-merta, kerajaan perlu membuat Penilaian Impak Sosial (SIA) terhadap setiap komponen untuk mengurangkan impak.
- Mengenakan syarat yang sama untuk "Forest City" terhadap projek PSR, iaitu mengharlamkan penjualan harta tanah kepada pembeli luar negeri.

Aksi protes pada 11 Julai lalu boleh dikatakan protes nelayan yang terbesar di hadapan Parlimen setakat ini. Kerajaan perlu mendengar dan memberi perhatian kepada seruan nelayan yang menolak projek penambakan yang menjelaskan kehidupan mereka. ##



(sambung dari m/s 12)

13. Malaysia tidak memerlukan satu lagi "Forest City". Ramalan penduduk di 3 pulau yang ditambah ialah 446,300 orang, tetapi siapakah penghuninya? Dengan hanya 6-20% tanah perumahan dalam kategori "mampu milik", adakah sebahagian besar harta tanah disasarkan kepada pembeli warga asing? Adakah pembangunan ini akan meningkatkan jurang ketidaksamaan sosial?

14. Kerajaan Negeri perlu menjaga penduduk setempat, bukan pembeli harta tanah masa depan yang dibayangkan.

15. Projek penambakan ini membawa risiko kewangan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang hanya mempunyai hasil tahunan sekitar RM 1 bilion. Kerajaan Negeri sedang cuba mendapatkan pinjaman RM 1 bilion untuk memulakan kerja tebus guna tanah melalui penambakan laut yang bernilai RM 16 bilion. Kerajaan Negeri Pulau Pinang bakal terjerat dalam perangkap hutang berbilion-bilion ringgit.

16. Adanya alternatif yang lebih baik, murah, cepat dan memberi manfaat sebenar kepada majoriti penduduk Pulau Pinang dalam

meningkatkan sistem pengangkutan awam dan menyelesaikan masalah mobiliti di negeri Pulau Pinang. Rakyat Pulau Pinang tidak memerlukan penambakan laut yang memudarati kehidupan rakyat setempat dan alam sekitar untuk membiayai projek Pelan Induk Pengangkutan yang tidak mampan.

Projek penambakan di Selatan Pulau Pinang akan mempertaruhkan terlalu banyak kepentingan awam dan masa depan rakyat, tetapi tidak menjamin manfaat yang lestari. Generasi akan datang bakal menanggung segala beban hutang dan kesan buruk daripada projek ini.

Tibanya masa untuk kita merenung dan menilai semula model pembangunan kita yang hanya mementingkan keuntungan pemaju harta tanah. Kita perlukan pembangunan yang menjamin keadilan sosial dan kelestarian alam sekitar. Kita mempunyai tanggungjawab untuk mewariskan bumi kita yang berada dalam keadaan yang lebih baik kepada generasi akan datang.

Selamatkan alam sekitar kita! Selamatkan pantai kita! Selamatkan laut kita! Selamatkan kehidupan nelayan kita! ##



Pekerja pembersihan Politeknik Ungku Omar menang kes tuntutan gaji tertunggak

7 orang pekerja pembersihan di Politeknik Ungku Omar, Ipoh, Perak, akhirnya menang dalam kes tuntutan untuk tunggakan gaji daripada bekas majikan mereka, ST Powerskill Sdn. Bhd. Pihak majikan telah bersetuju untuk membayar tunggakan gaji sebanyak RM 11,796.23 kepada kesemua 7 orang pekerja yang membuat tuntutan tersebut.

Atas kegigihan untuk berjuang, 7 orang pekerja yang memulakan perjuangan menuntut gaji yang sepatutnya daripada majikan sejak bulan Januari 2019 ini, akhirnya mendapat keadilan dan berjaya mendesak majikan untuk membayar gaji yang belum dibayar kepada mereka. Kes ini telah dibantu oleh aktivis Parti Sosialis Malaysia (PSM) yang terdiri daripada M. Sarasvathy, V. Selvam dan Danaletchumi.

Pekerja-pekerja pembersihan di Politeknik Ungku Omar telah membuat membuat aduan kepada Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Ipoh pada 8 Januari 2019, berkenaan dengan masalah mereka hanya dibayar gaji RM950 sebulan sedangkan gaji minimum sepatutnya RM1,000. Mereka juga mengadu tentang tiada cuti tahunan untuk pekerja. Majikan juga tidak membayar caruman KWSP sejak tahun 2016. Majikan mereka pada masa itu, ST Powerskill Sdn Bhd, merupakan kontraktor pembersihan untuk Politeknik Ungku Omar.

Pada 13 April 2019, pengurus syarikat ST Powerskill yang bernama William telah memberitahu pada pekerja bahawa kontraknya akan tamat pada 15 April 2019 dan kontraktor baru akan mengambil alih pada 16 April 2019. William telah mengatakan bahawa perkhidmatan pekerja-pekerja di Politeknik Ungku Omar ini tidak akan diberhentikan dan akan disambung dengan kontraktor baru yang mengambil alih kontrak. Dia berkata pada pekerja-pekerja, "Selepas 15 haribulan, jangan cari saya."

Pada ketika itu, pihak majikan juga bercadang untuk memasukkan caruman KWSP yang tidak dibayar itu terus ke dalam akaun bank peribadi mereka, dan mengatakan sekiranya pekerja-pekerja tidak bersetuju maka majikan tidak akan membayar apa-apa pun. Pekerja-pekerja telah menulis surat yang menyatakan bahawa mereka tidak bersetuju dengan tindakan majikan William itu yang membayar caruman KWSP terus

ke dalam akaun peribadi mereka, Surat tersebut telah diserahkan kepada majikan pada 16 April 2019. Namun, salah seorang pekerja telah dimangsakan dengan diberhentikan secara serta-merta pada hari itu juga.

Oleh sebab tindakan majikan yang menganiayai pekerja, pekerja-pekerja pembersihan di Politeknik Ungku Omar telah mengadakan satu protes di hadapan pejabat JTK Ipoh. Mereka mempersoalkan kenapa aduan yang dikemukakan oleh mereka pada 8 Januari 2019 itu belum lagi diselesaikan. Atas desakan daripada pekerja, pihak JTK telah berjanji untuk menyelesaikan aduan mereka dengan segera.

Majikan William datang ke Politeknik Ungku Omar pada 18 April 2019 dan berjumpa dengan pekerja-pekerja. Kali ini dia memberitahu pula bahawa kontraknya akan tamat pada 25 April 2019 dan pekerja yang berumur lebih 60 tahun tidak akan dijamin pekerjaannya di bawah kontraktor baru. William juga mengugut dengan mengatakan bahawa dia boleh mempengaruhi kontraktor baru sama ada meneruskan perkhidmatan mereka atau memberhentikan perkhidmatan mereka.

7 orang pekerja pembersihan yang berkenaan telah hadir ke JTK Ipoh pada 19 April 2019, tetapi pihak majikan gagal hadir untuk rundingan pada hari itu. Pihak JTK telah meminta pada pekerja untuk mengemukakan pengiraan gaji yang sepatutnya dibayar oleh majikan sepanjang perkhidmatan mereka. Mereka sepatutnya hadir sekali lagi ke JTK pada 25 April 2019, tetapi kontraktor baru yang mengambil alih, Henry Butcher, tidak membenarkan mereka keluar dari tempat kerja pada hari itu. Para pekerja terpaksa meminta surat temujanji daripada JTK untuk diberikan kepada Henry Butcher.

Pekerja-pekerja hadir semula ke JTK Ipoh pada 2 Mei 2019 dan mengemukakan segala pengiraan mereka. JTK membuka fail pendakwaan terhadap majikan ST Powerskill. Sebutan kes di Mahkamah Buruh telah ditetapkan pada 13 Jun 2019.

7 orang pekerja pembersihan tersebut juga membuat aduan polis pada 12 Mei 2019, berikutan ancaman pembuangan kerja daripada majikan baru mereka

yang mengambil alih kontrak pembersihan di Politeknik Ungku Omar. Setelah aduan polis dibuat, Kementerian Pendidikan telah mengaturkan satu pertemuan pada 13 Mei 2019 antara pekerja-pekerja dengan pihak Politeknik Ungku Omar dan kontraktor utama Konsortium Pae (Ipoh) Sdn Bhd. Pihak syarikat kontraktor utama telah berjanji bahawa pekerja-pekerja pembersihan yang berkenaan tidak akan diberhentikan. Perkhidmatan penyelenggaraan untuk Politeknik Ungku Omar telah disumberkan luar kepada Konsortium Pae, sementara kontraktor utama itu menyumbangkan luar lagi kerja-kerja pembersihan kepada syarikat Henry Butcher yang kemudiannya memberikan kontrak kepada syarikat kontraktor kecil yang lain. Mereka masih kekal bekerja di Politeknik Ungku Omar sehingga kini.

Pada 13 Jun 2019, ketika sebutan kes tuntutan pekerja terhadap majikan ST Powerskill di Mahkamah Buruh Ipoh, pihak majikan tidak bersetuju dengan tuntutan pekerja,



dan kes ditangguhkan ke 2 Julai 2019.

Pada 2 Julai 2019, apabila kes didengar di Mahkamah Buruh sekali lagi, satu persetujuan telah dicapai antara majikan dan pekerja. Pihak majikan telah bersetuju untuk membayar tunggakan gaji sebanyak RM 11,796.23 kepada 7 orang pekerja yang terlibat dalam tempoh masa 14 hari.

Oleh sebab kegigihan 7 orang pekerja pembersihan ini dalam membuat tuntutan gaji tertunggak dan memperjuangkan hak mereka untuk bayaran gaji yang sepatutnya, akhirnya mereka mendapat balik tunggakan gaji mereka daripada bekas majikan mereka. ##

Pekerja kontrak bincang masalah



Satu mesyuarat pekerja kontrak peringkat nasional telah diadakan pada 18 Ogos lalu di Kuala Lumpur. Seramai 60 orang pekerja kontrak yang bekerja di sekolah kerajaan telah mengambil bahagian dan membincangkan masalah-masalah yang dihadapi mereka serta langkah-langkah untuk penyelesaian.

Dua orang wakil daripada Kementerian Pendidikan turut hadir dalam mesyuarat tersebut untuk menjawab soalan-soalan yang dibangkitkan oleh pekerja, termasuk isu kontraktor yang tidak mematuhi undang-undang pekerjaan, pengumuman Kementerian Pendidikan mengenai pengambilan pengawal keselamatan secara terus oleh kerajaan, komitmen Kementerian Pendidikan untuk menghapuskan sistem kontrak di premisnya dan sebagainya.

Pekerja-pekerja yang hadir dalam mesyuarat tersebut telah mengambil keputusan untuk melancarkan satu kempen nasional bagi menyampaikan tuntutan kepada semua pekerja di premis

kerajaan, dan membina Jaringan Pekerja Kontrak Kerajaan (JPKK), serta memberi tekanan kepada kerajaan untuk menghapuskan sistem kontrak di premis kerajaan.

Sudahkah anda menjadi ahli Jaringan Pekerja Kontrak Kerajaan (JPKK)?

Jaringan Pekerja Kontrak Kerajaan (JPKK) memberi nasihat undang-undang percuma kepada pekerja-pekerja kontrak di premis kerajaan yang menghadapi masalah di tempat kerja. JPKK juga boleh membantu dalam menyediakan pegawai perhubungan perusahaan dan peguam untuk mewakili pekerja di mahkamah buruh atau mahkamah perusahaan dengan kos minimum.

Jika anda ialah pekerja kontrak untuk perkhidmatan sokongan (seperti pekerja pembersihan, pengawal keselamatan, tukang kebun dan sebagainya) di mana-mana premis kerajaan, hubungi JPKK di talian 010-2402159 atau 019-5638464 untuk menjadi ahli. ##



Pelajar AATC berjaya perjuangkan hak



Dua hari selepas berlakunya penangkapan polis terhadap pelajar-pelajar pusat latihan penerbangan *Allied Aeronautics Training Centre* (AATC) ketika mereka mengadakan protes dengan menduduki bangunan AATC, itu yang dibangkitkan oleh pelajar-pelajar AATC telah mendapat penyelesaian dalam satu pertemuan yang diadakan di pejabat Kementerian Sumber Manusia pada 28 Ogos lalu.

Sebelum itu, pihak pengurusan AATC telah membuang Pengerusi dan Setiausaha Kesatuan Pelajar AATC tanpa sebarang notis dan proses rundingan. Alasan yang

digunakan untuk membuang pelajar berkenaan adalah tunggakan yuran. Namun, pelajar-pelajar AATC telah mempertikaikan tindakan pihak pengurusan AATC, kerana ini merupakan pemangsaan terhadap kesatuan pelajar yang cuba bersuara untuk pelajar di situ.

Pelajar-pelajar AATC telah menghadapi beberapa masalah, yang terutamanya adalah mereka tidak mendapat pinjaman Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) seperti yang dijanjikan oleh pihak pengurusan AATC pada awalnya untuk membayai kos pengajian, sebaliknya dipaksa

untuk mengambil pinjaman peribadi daripada bank. Oleh yang demikian, pelajar-pelajar AATC telah menubuhkan Kesatuan Pelajar AATC untuk membawa masalah mereka kepada perhatian pihak pengurusan AATC. Namun, dua orang pemimpin utama kesatuan, iaitu Yagesh A/L Ravishangar selaku Pengerusi dan Ho Joe Yee selaku Setiausaha, telah dipecat daripada menjadi pelajar AATC selepas mereka menyerahkan surat tuntutan pelajar kepada pihak pengurusan AATC. Ini dilihat oleh para pelajar sebagai satu usaha daripada pihak pengurusan AATC untuk melenyapkan suara pelajar.

Tindakan pemangsaan terhadap pemimpin Kesatuan Pelajar inilah yang mencetuskan aksi protes pada 26 Ogos lalu di perkarangan AATC. Hampir 100 orang pelajar AATC telah menduduki bangunan AATC dan menuntut untuk berunding dengan pihak pengurusan AATC. Namun, pihak pengurusan AATC enggan berunding dan memanggil polis untuk menyuraikan pelajar. Pihak polis telah menangkap 7 orang pelajar AATC dan seorang aktivis Parti Sosialis Malaysia (PSM), Sharin Raj, yang bersolidariti dengan pelajar AATC. Kelapan-lapan orang yang ditangkap dibebaskan dengan jamin polis pada malam hari itu juga.

Kejadian penangkapan terhadap pelajar-pelajar AATC yang

berprotes telah mendapat perhatian ramai, termasuk pihak Kementerian Sumber Manusia yang memanggil untuk rundingan dua hari kemudian pada 28 Ogos 2019.

Mesyuarat rundingan antara pelajar-pelajar AATC dengan pihak pengurusan AATC tersebut dipengerusikan oleh Menteri Sumber Manusia M. Kulasegaran. Mesyuarat dihadiri oleh 22 orang wakil daripada Kesatuan Pelajar AATC dan 4 orang wakil pihak ibubapa. Hasil rundingan tersebut adalah:

- Pihak pengurusan AATC menarik balik pemecatan terhadap Pengerusi dan Setiausaha Kesatuan Pelajar AATC;
- Pinjaman daripada Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) akan diusahakan dalam masa terdekat untuk pelajar-pelajar AATC.

Kesatuan Pelajar AATC turut meminta pada Kementerian Sumber Manusia untuk memastikan bekas pelajar AATC yang "kecinciran" kerana tidak mampu bayar yuran dapat menyambung semula pengajian mereka di AATC.

Hasil daripada kegigihan pelajar dalam memperjuangkan hak mereka, akhirnya tuntutan pelajar-pelajar AATC telah diterima. Ini merupakan satu kemenangan yang bermakna buat pelajar-pelajar AATC. ##

Jangan rampas peluang terakhir rakyat berteduh

oleh Karthiges Rajamanickam

Parti Sosialis Malaysia (PSM) membantah cadangan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk menggantikan Program Perumahan Rakyat (PPR) dengan Program Perumahan Malaysia (PPM) yang berniat untuk melibatkan pemodal swasta dalam menyediakan rumah kepada rakyat marhaen.

Petikan daripada laporan akhbar pada 6 September lalu menyatakan bahawa kaedah pelaksanaan PPM adalah melalui 'request for proposal' (RFP), di mana pihak swasta mengemukakan cadangan kepada kerajaan untuk memajukan tanah-tanah mereka untuk projek ini dan menjual unit-unit berkenaan pada harga antara RM90,000 hingga RM300,000.

Tindakan ini jelas membuktikan bahawa Kerajaan Pakatan Harapan (PH) masih terpengaruh dengan fahaman yang menganggap rumah sebagai sejenis komoditi dan boleh dibekalkan oleh pihak swasta. Ternyata usaha untuk

meninjau situasi akar umbi tidak dilakukan oleh kerajaan dan besar kemungkinan hanya mengangguk kepala kepada lobi dan cadangan pemodal.

Daripada senario pasaran sekarang, tidakkah jelas bagi PH bahawa pasaran bebas gagal memenuhi keperluan perumahan rakyat biasa? Kerajaan PH akan melakukan kesilapan sekali lagi dengan memperuntukkan tanah-tanah strategik ini, yang boleh digunakan untuk perumahan PPR, untuk membina rumah yang akan dijual dengan harga RM90,000-300,000!

Perumahan PPR menyediakan rumah sewa murah kepada rakyat miskin yang tidak mampu untuk membeli rumah di pasaran bebas swasta. Sekiranya projek PPR dihentikan, apakah akan terjadi kepada mereka yang hanya mampu membayar sewa PPR?

Projek ganti yang berpaksikan pemodal swasta pula tidak akan sama sekali berniat melaksanakan tanggungjawab untuk memenuhi

permintaan pembekalan rumah bagi rakyat miskin. Maka, adakah secara kesimpulannya Kerajaan Pakatan Harapan memang tidak berniat membantu masyarakat termiskin negara kita?

Kerajaan PH harus sedar dan mengakui laporan terbaru Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) terbaru yang menyatakan bahawa kemiskinan di Malaysia adalah realiti yang cuba disorokkan. Angka rasmi kadar kemiskinan negara dikatakan kononnya jatuh dari 49% pada tahun 1970 kepada hanya 0.4% pada tahun 2016, tetapi PBB menyatakan ia adalah jauh daripada realiti di akar umbi. Mereka menyatakan kadar kemiskinan Malaysia pada 15% berdasarkan analisis oleh kumpulan bebas.

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) pula menyatakan bahawa daripada 7.11 juta ahli aktif dalam KWSP, seramai 1.64 juta atau 23% mencarum kurang daripada gaji minimum semasa, iaitu sebanyak RM1,000. Mengikut statistik KWSP juga, seramai 64% ahli yang telah mencapai umur 54 tahun mempunyai simpanan KWSP kurang daripada RM50,000, di mana ia dilihat sangat sedikit berbanding kenaikan kos sara hidup dan hutang isi rumah.

Philip Alston selaku wakil PBB juga menyatakan garis kemiskinan nasional pada RM 980 (pendapatan bulanan isi rumah) adalah langsung tidak munasabah. Jika kedua-dua pandangan PBB dan KWSP tersebut diambil kira, maka

amat jelas bahawa jutaan kaum pekerja Malaysia tidak mampu untuk membeli rumah walaupun dengan harga RM 90,000 dalam program PPM. Apa yang amat menghairankan adalah kerajaan PH tidak langsung menghiraukan statistik yang membimbangkan ini, malah berani memperkenalkan polisi yang bertentangan dengan kepentingan rakyat biasa.

Jadi, siapakah yang mahu dibela oleh kerajaan ini? Kaum korporat yang mulutnya buas ternganga mahukan projek perumahan rakyat demi keuntungan memandangkan mereka terdesak akibat kemurungan perniagaan mereka. Rakyat jelata berhak ditawarkan perumahan yang tidak berpaksikan keuntungan kaum pemodal sebegini. Golongan kapitalis dan kerajaan boneka pemodal selalunya menentang idea-idea perumahan untuk rakyat biasa yang tidak menguntungkan mereka. Namun, kerajaan Pakatan Harapan harus sedar bahawa perumahan selesa mampu milik/sewa adalah hak asasi rakyat dan harus menjadi tanggungjawab kerajaan. Kemudahan perumahan rakyat biasa tidak harus dijadikan komoditi untuk keuntungan golongan pemodal.

Rumah untuk rakyat tanggungjawab kerajaan bukan pasaran! Kekalkan projek perumahan PPR untuk rakyat marhaen! ##

Karthiges Rajamanickam ialah Ahli Jawatankuasa Pusat Parti Sosialis Malaysia (PSM) merangkap Penyelaras Biro Perumahan dan Peneroka PSM.



Papua Barat

Gelombang protes Papua Barat terbaru

Satu gelombang protes besar-besaran tercetus di Papua Barat pada bulan Ogos 2019 berikutan serangan polis terhadap asrama pelajar Papua di Surabaya dan layanan rasis yang diterima oleh pelajar Papua.

Antara pencetus kemarahan orang Papua yang terbaru adalah penahanan pelajar-pelajar Papua di Surabaya, Jawa Timur. Pada 17 Ogos 2019, iaitu ketika Hari Kemerdekaan Indonesia, polis Indonesia mengepung tempat penginapan pelajar Papua di Surabaya dan melepaskan tembakan gas pemedih mata ke dalam asrama pelajar di situ sebelum menangkap 43 orang pelajar Papua. Aktivis Papua menuduh bahawa pegawai polis yang menjalankan tangkapan telah memanggil pelajar-pelajar Papua sebagai "monyet". Sikap rasis pemerintahan pusat Indonesia inilah menjadi batu api yang mencetuskan kemarahan orang Papua.

Protes besar-besaran mula tercetus di kedua-dua provinsi Papua dan Papua Barat pada 19 Ogos 2019,

Jalan berliku-liku menuju penentuan nasib sendiri

dengan bangunan kerajaan di bandar besar seperti Manokwari dan Sorong dibakar atau dirosakkan. Protes telah berterusan di merata tempat di seluruh wilayah Papua Barat (merangkumi kedua-dua provinsi Papua dan Papua Barat).

Kerajaan Indonesia menyekat internet untuk menghalang akses media sosial di tempat berlakunya protes di Papua Barat. Sekatan internet telah menimbulkan kesukaran dalam mengenalpasti kesahihan berita. Sementara itu, pasukan keselamatan dikerahkan dalam jumlah yang ramai untuk mematahkan protes.

Dilaporkan bahawa polis melepaskan tembakan ke atas demonstran di kabupaten Deiyai pada 28 Ogos 2019 dan menyebabkan sekurang-kurangnya tiga orang terbunuh, semasa ribuan orang Papua berdemonstrasi di situ untuk menuntut referendum kemerdekaan. Ribuan orang berprotes di Jayapura pada 29 Ogos 2019, dan menduduki bangunan kerajaan di situ.



Keganasan paling teruk berlaku pada 23 September 2019, dengan Amnesty International Indonesia menyifatkan hari itu sebagai "salah satu hari yang paling berdarah dalam 20 tahun yang lalu ini di Papua". Angka kematian rasmi yang diumumkan oleh pihak berkuasa Indonesia adalah 33 orang telah mati di provinsi Papua dalam konflik keganasan yang berlaku sekitar 23 September 2019, dengan 29 orang mati di bandar Wanema dan 4 orang lagi di ibu kota provinsi Papua, Jayapura.

Protes dan keganasan daripada

penindasan pihak berkuasa Indonesia, telah meragut nyawa ramai orang, dan lebih ramai lagi mengalami kecederaan. Seruan untuk "Papua Merdeka" dan "referendum" sering kedengaran dalam protes rakyat Papua. Ini telah membawa satu mesej yang jelas kepada Kerajaan Indonesia bahawa orang asal Papua Barat mahukan hak untuk menentukan nasib sendiri yang telah dinafikan untuk lebih setengah abad.

Di sini marilah kita tinjau kembali latar belakang sejarah di sebalik konflik di Papua Barat.

Di mana Papua Barat?

Papua Barat merupakan bahagian barat untuk Pulau New Guinea, pulau yang kedua besar di dunia selepas Greenland. Wilayah yang diduduki dan ditadbir oleh negara Indonesia ini, terletak di bahagian paling timur Indonesia, di rantau Pasifik Selatan, lebih kurang 1,800 kilometer ke tenggara dari Sabah dan 250 kilometer ke utara dari pesisir pantai utara Australia.

Papua Barat pernah dijajah oleh Belanda, dan kemudiannya ditawan oleh Indonesia yang mendudukinya sehingga hari ini. Terdapat banyak nama panggilan untuk wilayah ini dalam sejarah, termasuk New Guinea Belanda (1895-1962), New Guinea Barat (1962-1963), Irian Barat (1963-1973), Irianjaya (1973-2001) dan Papua (2002-2003). Pada tahun 2003, wilayah ini dipecahkan oleh Kerajaan Indonesia kepada dua provinsi, iaitu Provinsi Papua Barat dan Provinsi Papua. (*Istilah Papua Barat yang digunakan di sini merangkumi kedua-dua provinsi Papua Barat dan provinsi Papua.*)

Terdapat lebih kurang 4.3 juta orang penduduk di Papua Barat sekarang. Penduduk di kawasan pedalaman Papua Barat kebanyakannya ialah orang Papua (yang merupakan kelompok orang asal Melanesia), sementara kawasan bandar di pesisiran pantai diduduki oleh campuran



Keadaan yang dialami oleh Papua Barat hari ini, ialah produk yang diwarisi daripada penjajahan imperialis Barat di rantau Pasifik Selatan.

Mangsa percaturan dan pengkhianatan kuasa imperialis



Pada tahun 1824, Belanda dan Britain telah bersetuju untuk menjadikan bahagian barat Pulau New Guinea sebagai sebahagian daripada jajahan Hindia Timur Belanda. Pada tahun 1828, penjajah Belanda mendirikan petempatan yang dipanggil Fort Du Bus di Papua Barat, tetapi terpaksa meninggalkannya pada tahun 1835 kerana berlaku jangkitan penyakit khususnya malaria dan juga serangan berterusan daripada puak orang asal di situ.

Pada tahun 1884, pihak British yang menolak tindakan Queensland untuk menduduki bahagian tenggara Pulau New Guinea, telah menjadikan wilayah itu di bawah naungan British dan mengilakkannya pada tahun 1888. New Guinea British diberikan nama "Jajahan Papua" dan diletakkan di bawah penguasaan Komanwel Australia pada tahun 1902. Sementara itu, Jerman pula menduduki bahagian timur laut Pulau New Guinea dan menubuhkan jajahan New Guinea Jerman. Jajahan New Guinea Jerman ditawan oleh Australia semasa Perang Dunia I. Jajahan Papua dan Jajahan New Guinea digabungkan menjadi "Jajahan Papua dan New Guinea" pada tahun 1949 di bawah pentadbiran

Australia. Papua New Guinea mencapai kemerdekaan pada tahun 1972.

Britain dan Jerman mengiktiraf kekuasaan Belanda terhadap bahagian barat New Guinea dalam perjanjian yang ditandatangani pada tahun 1885 dan 1895. Belanda mula membina pos perdagangan di New Guinea Barat pada tahun 1895. Namun begitu, aktiviti penjajah Belanda di New Guinea Belanda agak minimum pada awal abad ke-20. Bandar Hollandia (iaitu Jayapura hari ini) ditubuhkan pada tahun 1910. Syarikat-syarikat perlombongan dari Belanda, Amerika Syarikat dan Jepun mula meneroka kawasan simpanan minyak di wilayah ini pada tahun 1930-an.

Pada tahun 1942, kawasan persisiran pantai di utara New Guinea Barat dan kepulauan berdekatannya diduduki oleh tentera Jepun. Pada tahun 1944, tentera Pihak Berikat melancarkan serangan dari Papua New Guinea untuk menguasai semula wilayah New Guinea Barat. Tentara Amerika Syarikat membina satu pangkalan ketenteraan di Hollandia untuk Jeneral Douglas MacArthur mengarahkan operasi ketenteraan Pihak Berikat bagi tujuan menawan semula Filipina daripada Jepun. Rakyat dan sumber di Papua telah dikerahkan untuk menyokong usaha perang Pihak Berikat di Pasifik. Selepas tamatnya Perang Dunia II, Belanda menguasai semula wilayah New Guinea Barat.

(sambung di m/s 17)

(sambung dari m/s 16)

Selepas Perang Dunia II, gerakan pembebasan nasional telah melanda seluruh benua Asia dan Afrika pada tahun 1950-an. Walaupun tiadanya perjuangan pembebasan nasional yang hebat di wilayah New Guinea Belanda, tetapi kehilangan tanah jajahan Belanda di Indonesia telah menimbulkan kegusaran pihak penjajah Belanda. Setelah Belanda gagal merampas balik tanah jajahannya di Indonesia, pada tahun 1949, negara Belanda mengiktiraf kedaulatan negara baru Republik Indonesia terhadap tanah jajahan Hindia Timur Belanda, kecuali New Guinea Barat. Sejak awal abad ke-20, golongan nasionalis Indonesia telah mengilhamkan penubuhan sebuah negara baru yang terbentang luas dari Sumatera di barat sehingga ke Papua Barat di timur. Untuk menghalang Revolusi Nasional Indonesia daripada merebak ke wilayah New Guinea Barat, penjajah Belanda mula menaburkan dana untuk membiayai pembangunan masyarakat di situ (termasuk pendidikan, kesihatan dan sebagainya), dan cuba memupuk golongan elit tempatan untuk mengambil tugas pentadbiran politik, supaya membolehkan Belanda terus menguasai New Guinea Barat melalui formula pemerintahan autonomi yang

ditetapkan oleh pihak Belanda. Semangat nasionalisme Papua turut dibangunkan dalam proses ini.

Kerajaan Belanda mula bersiap sedia untuk kemerdekaan New Guinea Belanda pada tahun 1950-an. Namun, kemerdekaan untuk New Guinea Barat yang dijanjikan oleh Belanda, perlu mengikut syarat-syarat dan agenda yang ditetapkan oleh kuasa penjajah Belanda. Dewan New Guinea, iaitu dewan perundungan di Papua, ditubuhkan pada 5 April 1961. Dewan perundungan baru tersebut memutuskan bahawa nama negara baru ialah "West Papua" atau "Papua Barat", dengan bendera, lagu dan lambang kebangsaan yang baru. Bendera Papua Barat, bendera Bintang Kejora, dinaikkan pada 1 Disember 1961 di luar bangunan Dewan New Guinea secara bersama dengan bendera Belanda.

Kerajaan Republik Indonesia yang ditubuhkan berikutan revolusi nasional yang hebat, tegas dengan pendiriannya untuk membebaskan Papua Barat daripada penjajahan Belanda dan menggabungkannya ke dalam Indonesia. Presiden Sukarno pada masa itu berpandangan bahawa penguasaan terhadap Papua Barat merupakan sebahagian daripada perjuangan menentang imperialis Belanda, dan juga

sebahagian daripada perjuangan anti-imperialis di Dunia Ketiga. Rancangan untuk "membebaskan Irian Barat" ini mendapat sokongan daripada Parti Komunis Indonesia dan pihak tentera Indonesia pada masa itu, atas semangat menentang imperialism Barat. Pada 19 Disember 1961, Sukarno mengarahkan persiapan untuk pencerobohan tentera ke atas wilayah New Guinea Barat. Sukarno cuba mendapatkan bantuan ketenteraan daripada Kesatuan Soviet, dan ini menimbulkan kebimbangan Amerika Syarikat. Untuk menghalang perluasan pengaruh komunis di rantau ini, dan juga keinginan menguasai sumber mineral yang kaya di wilayah Papua Barat, Kerajaan Amerika Syarikat pimpinan John F. Kennedy pada masa itu memberi tekanan kepada Belanda dan memaksa Belanda untuk melepaskan pegangannya terhadap Papua Barat. Melalui Perjanjian New York yang ditandatangani pada 15 Ogos 1962, Papua Barat diserahkan kepada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) untuk pentadbiran sementara pada bulan Oktober 1962. Pada 1 Mei 1963, Papua Barat diserahkan kepada Indonesia.

Semua perjanjian dan penyerahan kuasa pentadbiran di Papua Barat dilakukan di kalangan kuasa-kuasa besar tanpa pengetahuan dan penyertaan masyarakat

orang Papua sendiri. Di bawah manipulasi imperialis Amerika Syarikat, kemerdekaan Papua Barat menjadi impian yang hancur berkecaci. Belanda, selaku sebuah empayar yang sudah lama melepas zaman kegemilangannya, akhirnya tunduk kepada kekuasaan Amerika Syarikat dan melepaskan rancangannya untuk membenarkan kemerdekaan Papua Barat. Kerajaan Australia yang pada awalnya menyokong kemerdekaan Papua Barat, turut mengubah pendiriannya dan menyokong bahawa Papua Barat patut digabungkan ke dalam Indonesia. Masyarakat orang Papua dikecualikan sama sekali dalam seluruh proses menentukan nasib untuk Papua Barat, dan menjadi mangsa kepada percaturan kuasa imperialis bagi tujuan kepentingan geo-politik masing-masing.

Kerajaan Amerika Syarikat kemudiannya menyokong rampasan kuasa oleh Suharto di Indonesia pada tahun 1965, yang menyebabkan pembunuhan beramai-ramai terhadap mereka yang dianggap menyokong Parti Komunis Indonesia, sehingga merugut nyawa sejuta orang, demi menjamin dominasi kuasa imperialis Amerika Syarikat di rantau Asia Tenggara.

"Penentuan Pendapat Rakyat" di bawah muncung senapang

Perjanjian New York tahun 1962 menyatakan bahawa rakyat Papua dibenarkan untuk mengundi secara bebas dan adil sama ada kekal bersama atau berpisah dengan Indonesia selewat-lewatnya pada tahun 1969. Namun, "Penentuan Pendapat Rakyat" (*Act of Free Choice*) yang dibuat oleh Kerajaan Indonesia di bawah pimpinan Suharto yang berkuasa melalui cara rampasan kuasa secara berdarah, telah melanggar apa yang ditetapkan dalam Perjanjian New York. Kerajaan diktator Suharto telah memilih dan melantik 1,026 orang "wakil" untuk mengundi dalam satu "referendum". Kerajaan Indonesia tidak mahu mengadakan referendum sebenar yang membolehkan semua rakyat Papua untuk mengundi, dengan alasan bersifat rasis bahawa orang Papua itu terlalu "primitif" untuk membuat pilihan secara sendiri. Mereka yang dipilih oleh Kerajaan Indonesia terpaksa mengundi di bawah muncung senapang tentera Indonesia yang menghasilkan keputusan yang menyokong penguasaan Indonesia sepenuhnya terhadap Papua Barat. "Penentuan Pendapat Rakyat" (*Act of Free Choice*) ini sebenarnya hanya "Pemakaian Pendapat Rakyat" (*Act of No Choice*).



Kezaliman pemerintah Indonesia dan eksplorasi kapitalis

Sejak tentera Indonesia menduduki Papua Barat pada tahun 1962, masyarakat orang Papua mula melakukan penentangan dan perjuangan untuk menentukan nasib sendiri. Aksi penentangan orang Papua melibatkan ketidakpatuhan sivil yang bersifat aman, seperti mengadakan upacara mengibarkan bendera Bintang Kejora, dan juga melalui pendekatan perjuangan bersenjata, seperti pemberontakan "Organisasi Papua Merdeka" (OPM).


Kerajaan Indonesia telah menggunakan kekerasan yang hebat untuk cuba mematahkan gerakan menuntut penentuan nasib sendiri orang Papua. Sejak tahun 1962, sudah lebih 500,000 orang terkorban dalam konflik di Papua Barat, dengan ramai dizalimi oleh tentera dan polis Indonesia.

Selepas Suharto berkuasa dan memulakan pemerintahan "Orde Baru" yang bersifat kuku besi, golongan kapitalis korporat Amerika Syarikat yang menjalin hubungan rapat dengan rejim Suharto telah mengagihkan sesama mereka sendiri kepentingan ekonomi di Indonesia. Papua Barat yang diduduki tentera Indonesia turut menjadi sebahagian daripada kek

yang diagihkan di kalangan kapitalis besar dari Amerika Syarikat. Pada tahun 1970-an, syarikat perlombongan Amerika Syarikat *Freeport McMoRan* membina Lombok Grasberg di Papua Barat. Lombok Grasberg merupakan lombong emas terbesar di dunia dan lombong tembaga ketiga besar di dunia. Untuk membolehkan syarikat korporat Amerika Syarikat terus menjana keuntungan lumayan melalui perlombongan di Papua Barat, ribuan orang asal Papua diusir, malah ada yang dibunuh secara kejam oleh tentera Indonesia. Lombok Grasberg telah menjadi simbol nyata penjajahan Indonesia di Papua Barat.

Semasa zaman pemerintahan Suharto, Kerajaan Indonesia melaksanakan dasar Transmigrasi yang membawa masuk ramai penduduk dari Jawa, Sumatera dan kawasan padat penduduk yang lain ke Papua Barat, sehingga mengubah struktur demografik di Papua Barat dengan nisbah penduduk orang asal Papua semakin menurun. Tindakan sebegini menimbulkan lebih banyak konflik antara kaum di Papua Barat.

(sambung di m/s 18)



Lombok Grasberg

(sambung dari m/s 17)

Perjuangan penentuan nasib sendiri Papua Barat yang berpanjangan

Konflik yang tercetus sejak tahun 1960-an apabila Papua Barat diilah oleh Indonesia berterusan dengan ramai orang Papua dizalimi oleh tentera Indonesia. Pada tahun 1971, pemimpin Organisasi Papua Merdeka mengisyihar Republik Papua Barat dan bendera Bintang Kejora sebagai bendera kebangsaan Papua Barat. Pengibaran bendera Bintang Kejora telah dianggap sebagai tindakan subversif dan dilarang oleh Kerajaan Indonesia. Mereka yang mengibarkan bendera Bintang Kejora boleh ditangkap dan dipenjarakan.

Selepas rejim diktator Suharto dijatuhan pada tahun 1998, pernah wujudnya sedikit harapan kepada orang Papua untuk menentukan nasib sendiri. Dengan referendum kemerdekaan Timor Leste yang berlangsung pada tahun 1999 dan membawa kepada pemisahan Timor Leste daripada Indonesia kemudiannya, masyarakat orang Papua turut dirangsang untuk menentukan nasib sendiri. Untuk menghadapi seruan kemerdekaan orang Papua yang semakin lantang, Kerajaan Indonesia pasca Reformasi memberi status "autonomi" kepada Papua pada

tahun 2000, namun tidak bermakna besar kerana tentera Indonesia yang sama masih menduduki tanah Papua Barat dan terus menzalimi rakyat Papua.

Setelah Megawati Sukarnoputri menjadi Presiden Indonesia, Papua Barat dipecahkan kepada dua provinsi, iaitu provinsi Papua dan provinsi Papua Barat. Akibat daripada kezaliman pendudukan tentera Indonesia yang berpanjangan, kebanyakannya orang Papua tidak menaruh apa-apa kepercayaan pada Kerajaan Pusat Indonesia dan menolak janji autonomi daripada Indonesia, sebaliknya mereka menuntut kemerdekaan dan referendum yang bebas untuk semua rakyat Papua mengundi bagi menentukan sama ada mereka memilih kemerdekaan atau tidak.

Penindasan tentera Indonesia terhadap aktivis pejuang kemerdekaan Papua masih berterusan. Tentera Indonesia masih bermaharajalela di Papua Barat, dan menggunakan alasan membasmikan "golongan pemisah" untuk menindas orang Papua. Rasisme secara sistemik juga dipraktik oleh pihak berkuasa

terhadap orang asal Papua, dengan orang Papua sentiasa diancam dengan penangkapan, penyeksaan malah dibunuh sewenang-wenang. Panggilan yang menghina seperti "monyet", "anjing" dan sebagainya turut digunakan oleh sesetengah pihak berkuasa dan golongan nasionalis kanan untuk menjatuhkan maruah orang Papua.

Theys Eluay, Penggerusi Presidium Dewan Papua dan seorang pemimpin orang Papua yang dianggap dapat menyatukan rakyat Papua Barat dalam perjuangan kemerdekaan, dibunuh pada 10 November 2001 oleh Komando Pasukan Khusus (Kopassus) tentera Indonesia. Kelly Kwalik, seorang pemimpin kanan OPM, dibunuh pada 16 Disember 2009 oleh Detasmen Khusus 88 (Densus 88) yang dilatih oleh Amerika Syarikat dan Australia. Mereka hanyalah sebahagian daripada mangsa kekejaman penindasan pihak berkuasa Indonesia terhadap masyarakat Papua yang memperjuangkan hak menentukan nasib sendiri.

Masyarakat civil Papua menubuhkan Komite Nasional Papua Barat (KNPB) pada tahun 2009 untuk berkempen demi mengadakan referendum untuk rakyat Papua. Mako Tabuni yang merupakan Timbalan Penggerusi KNPB dibunuh oleh Densus pada 14 Jun 2012.

Sebagai usaha menyertai *Melanesian Spearhead Group* (MSG), sebuah organisasi antara kerajaan yang dianggotai negara-negara Melanesia, Gerakan Persatuan Pembebasan untuk Papua Barat (ULMWP) ditubuhkan pada tahun 2014 untuk menyatukan 3 gerakan utama yang memperjuangkan kemerdekaan Papua Barat, iaitu Republik Persekutuan Papua Barat (NRFPB), Gabungan Pembebasan Nasional Papua Barat (WPNC) dan Parlimen Nasional Papua Barat (NPWP). ULMWP dipimpin oleh Benny Wenda.

Pada tahun 2017, masyarakat orang Papua mengutip tandatangan untuk satu petisyen yang menyeru pada PBB supaya memasukkan kembali Papua Barat ke dalam agenda Jawatankuasa Khas mengenai Penyahajahan (C24) dan memastikan hak rakyat Papua untuk menentukan nasib sendiri yang dinafikan pada tahun 1969 itu dihormati dengan mengadakan pengundian yang diselia secara antarabangsa. Sebanyak 1.8 juta tandatangan berjaya dikutip dan diseludup keluar dari Papua Barat, walaupun kutipan tandatangan petisyen tersebut diharamkan oleh Kerajaan Indonesia. Namun demikian, petisyen tersebut ditolak oleh PBB setelah mendapat bantahan daripada Indonesia.



Perkahwinan tanpa hak bercerai bukannya perkahwinan sempurna

Kita patut menyokong usaha perjuangan rakyat Papua untuk menentukan nasib mereka sendiri. Menyokong penentuan nasib sendiri, bukan semestinya menyokong pemisahan satu wilayah yang dihuni oleh bangsa tertentu daripada sesebuah negara yang lebih besar, tetapi penentuan nasib sendiri itu seharusnya merangkumi hak untuk memerdekaan sesebuah bangsa yang tertindas daripada sebuah negara yang lebih besar. Ini bagaikan satu perkahwinan, sekiranya kedua-dua pihak yang berkahwin tiada hak untuk bercerai, perkahwinan itu bukannya perkahwinan yang sempurna, malah mengundang pelbagai tragedi.

Jika pembentukan Negara Kesatuan Republik Indonesia itu satu perkahwinan, maka Papua Barat disatukan ke dalam Indonesia dalam satu perkahwinan paksa, satu perkahwinan paksa di bawah muncung senapang. Jika ia satu perkahwinan secara sukarela pun, perkahwinan yang tiada hak bercerai sudah bermasalah, apatah lagi ia adalah perkahwinan paksa.

Pengilhanan Papua Barat oleh Indonesia dan pendudukan tentera Indonesia di situ, merupakan produk percaturan kuasa imperialis zaman Perang Dingin. Rakyat Papua dinafikan hak untuk menentukan nasib sendiri sejak awal lagi. Di bawah kezaliman pendudukan tentera Indonesia dan eksplorasi sumber Papua Barat oleh korporat besar antarabangsa melalui penindasan terhadap rakyat tempatan, rakyat Papua memang adanya justifikasi yang munasabah untuk menuntut kemerdekaan.

Walaupun Papua Barat pernah merupakan tanah jajahan Belanda, tetapi rakyat Papua tidak pernah terlibat dalam gerakan revolusi nasional yang membentuk Indonesia. Golongan nasionalis Indonesia menganggap Papua sebagai sebahagian daripada negara Indonesia yang tidak boleh dipisahkan, adalah berdasarkan anggapan bahawa Papua juga tanah jajahan Hindia Timur Belanda yang sepatutnya termasuk secara "semula jadi" dalam sebuah negara baru yang dipanggil "Indonesia". Indonesia "membebaskan" Papua

Barat daripada penjajah Belanda, tetapi menjadikan tempat ini sebagai tanah jajahan baru yang dikuasai oleh kerajaan yang berpusat di Jakarta, dengan sokongan daripada kuasa imperialis seperti Amerika Syarikat dan Australia. Masyarakat orang asal Papua belum lagi bebas daripada

penjajahan!

Selagi penindasan oleh tentera Indonesia dan eksplorasi sumber oleh kapitalis antarabangsa masih berterusan di Papua Barat, rakyat Papua akan terus bangkit untuk menentukan nasib sendiri. ##



Rakyat Puerto Rico bangkit cabar penjajahan AS

Pada bulan Julai lalu, satu gelombang protes besar-besaran melanda Puerto Rico, sebuah tanah jajahan Amerika Syarikat (AS) di rantau Caribbean, bukan sahaja menggulingkan Gabenor Ricardo Rosselló, tetapi juga mencabar kuasa penjajahan AS yang bertapak di kepulauan tersebut sejak tahun 1898.

Rakyat Puerto Rico mula turun berprotes di jalanan pada 11 Julai 2019 untuk menuntut perletakan jawatan Ricardo Rosselló sebagai Gabenor Puerto Rico. Rakyat berprotes setiap hari di jalanan sejak itu. Pada 17 Julai 2019, dianggarkan seramai 500,000 orang berprotes di San Juan, ibu negeri Puerto Rico; sementara protes juga diadakan di bandar-bandar lain di kepulauan tersebut, dan juga oleh diaspora Puerto Rico di luar kepulauan itu. Protes yang lebih besar lagi tercetus pada 22 Julai 2019, dengan anggaran 750,000 orang berprotes di San Juan, selepas Ricardo Rosselló enggan meletak jawatan sebagai Gabenor.

Jumlah penduduk di kepulauan Puerto Rico sekarang ini lebih kurang 3.2 juta orang, dengan lebih kurang 2.3 juta orang tinggal di kawasan metropolitan San Juan. Boleh dikatakan lebih kurang 1/4 daripada jumlah penduduk Puerto Rico ataupun 30% daripada jumlah penduduk di San Juan terlibat dalam aksi protes terbaru pada 22 Julai 2019, satu nisbah penglibatan aksi yang amat tinggi.

Puerto Rico adalah sebuah tanah jajahan AS yang digolongkan sebagai "wilayah teratur tak diperbadankan" (*unincorporated territory*), terletak di timur laut Lautan Caribbean dan lebih kurang 1,600 km ke tenggara dari Miami, AS. Puerto Rico mula dijajah oleh Sepanyol pada akhir abad ke-15, kemudiannya diceroboh dan diduduki tentera AS pada tahun 1898 ketika berlakunya Perang AS-Sepanyol. Pada tahun 1917, Kongres AS meluluskan undang-undang yang memberikan kewarganegaraan AS kepada mereka yang lahir di Puerto Rico. Gerakan memperjuangkan kemerdekaan Puerto Rico mula berkembang pesat pada tahun 1930-an, tetapi dipukul secara kejam, termasuk berlakunya Peristiwa Pembunuhan Besar-besaran di Ponce pada 21 Mac 1937. Pilihanraya untuk Gabenor mula dilaksanakan pada tahun 1948, tetapi dimenangi oleh golongan elit politik yang pro-AS. Parti Nasionalis Puerto Rico mengadakan pemberontakan untuk menentang penjajahan AS pada tahun 1950-an tetapi digagalkan. Perlembagaan Puerto Rico digubal pada tahun 1952.

Gelombang protes di Puerto Rico baru-baru ini tercetus daripada skandal korupsi dan pembongkaran isi kandungan perbualan kumpulan dalam aplikasi Telegram yang kontroversi. Pada 10 Julai 2019, Biro Penyiasatan Persekutuan (FBI) menahan 2 orang bekas anggota Kabinet Kerajaan



Rosselló dan 3 orang kontraktor kerajaan atas pertuduhan korupsi. Sementara itu, isi kandungan perbualan kumpulan dalam aplikasi Telegram yang melibatkan Rosselló bersama sebahagian anggota kabinetnya dan penasihat politiknya telah didedahkan oleh Pusat Kewartawanan Siasatan Puerto Rico, di mana perbualan tersebut mengandungi komen-komen yang bersifat rasis, seksis, homofobik dan anti-wanita. Mereka dalam kumpulan perbualan tersebut juga menjelek mangsa bencana ribut taufan Maria yang melanda pada tahun 2017, di samping membincangkan isu berkaitan dengan kontrak dan dana kerajaan.

Rakyat yang marah dengan

skandal kerajaan telah turun berdemonstrasi. Beberapa orang pegawai tinggi dalam Kerajaan Rosselló telah meletak jawatan berikutkan skandal terbaru ini. Rosselló mengumumkan bahawa dia tidak akan bertanding dalam pilihanraya Gabenor pada tahun depan, tetapi enggan meletak jawatan sebagai Gabenor dengan serta-merta. Protes di jalanan diteruskan kerana keengganan Rosselló untuk undur dari posisinya.

Hasil daripada mobilisasi rakyat yang hebat, Rosselló akhirnya tunduk pada kuasa rakyat dengan pengumuman perletakan jawatannya sebagai Gabenor Puerto Rico pada 24 Julai 2019, dan perletakan jawatan tersebut berkuatkuasa mulai 2 Ogos 2019.

Pedro Pierluisi yang menggantikan Rosselló sebagai Gabenor Puerto Rico hanya kekal dalam jawatannya untuk beberapa hari sahaja, akibat daripada kekecohan dalam pentadbiran kerajaan Puerto Rico, dan kemudiannya digantikan pula dengan Wanda Vázquez Garced yang belum tahu lagi nasibnya selepas ini.



Rakyat Puerto Rico marah terhadap dasar "penjajahan" AS

Ricardo Rosselló mengambil alih jawatan Gabenor Puerto Rico pada 2 Januari 2017, setelah menang dalam Pilihanraya Gabenor pada tahun 2016 dengan memperoleh 660,510 undi (bersamaan 41.8% daripada undi popular). Rosselló ialah anak kepada Pedro Rosselló yang menjadi Gabenor Puerto Rico dari tahun 1993 hingga 2001. Rosselló merupakan anggota Parti Progresif Baru, sebuah parti politik yang menyokong Puerto Rico menjadi salah sebuah negeri AS. Rosselló juga menganggotai Parti Demokratik AS.

Kemarahan dan ketidakpuasan hati rakyat Puerto Rico yang ditunjukkan dalam aksi protes besar-besaran terbaru ini, mempunyai punca yang jauh lebih mendalam, termasuk status Puerto Rico yang masih

dijajah AS, dasar "penjimatan" (pengurangan perbelanjaan sosial) yang diamalkan oleh Lembaga Kawalan Fiskal yang dilantik secara terus oleh Kerajaan AS atas alasan "penstrukturkan semula hutang" dan juga kegagalan kerajaan Puerto Rico dalam membantu mangsa ribut taufan Maria.

Lembaga Kawalan Fiskal yang ditubuhkan di bawah Akta Pengawasan, Pengurusan dan Kestabilan Ekonomi Puerto Rico (PROMESA) yang digubal oleh Kongres AS pada tahun 2016, telah memaksa Kerajaan Puerto Rico untuk melaksanakan dasar "penjimatan" (*austerity*) yang melibatkan pemotongan hebat terhadap peruntukan untuk kesihatan, pencegahan dan pendidikan, dengan alasan hendak

menyelesaikan masalah hutang. Kediktatoran Lembaga Kawalan Fiskal terhadap belanjawan Puerto Rico, dengan kuasa mutlaknya terhadap ekonomi di situ, adalah penjelmaan kekuasaan penjajahan AS di kepulauan tersebut dalam bentuk yang sedang memusnahkan kehidupan rakyat tempatan. Institusi perbankan di Wall Street yang bersifat pemangsa telah meraih keuntungan lumayan daripada krisis hutang Puerto Rico, dan rakyat biasa Puerto Rico pula terpaksa menanggung segala penderitaan akibat daripada sesuatu krisis yang puncanya tiada kaitan dengan mereka.

Bencana ribut taufan Maria yang melanda Puerto Rico pada tahun 2017, telah meragut nyawa seramai 4,645 orang. Kerajaan Puerto

Rico gagal membantu mangsa ribut taufan dan proses pemulihan yang lambat selepas bencana juga berkait secara langsung dengan dasar penjajahan AS di Puerto Rico. Rakyat biasa Puerto Rico masih mengalami kesengsaraan daripada bencana ribut taufan Maria selepas 2 tahun. Komen yang menghina mangsa bencana dalam perbualan Rosselló dengan penasihat politiknya menjadi batu api kepada letusan kebangkitan rakyat Puerto Rico yang amat hebat.

Rakyat Puerto Rico sedang mencipta sejarah di tanah jajahan AS tersebut dengan kebangkitan yang hebat untuk mencabar *status quo*. Perjuangan rakyat untuk pembebasan Puerto Rico akan terus mula ke depan. ##

Belanjawan 2020 | 10 syor PSM kepada kerajaan

Keluarga B20 (golongan berpendapatan terbawah 20%) di negara kita masih hidup dalam keadaan susah, walaupun kekayaan negara telah bertambah dengan pesatnya dalam 50 tahun yang lalu. Pada tahun 1970, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia ialah RM10.3 bilion sahaja. Angka ini telah mencecah RM1,400 bilion (1.4 trillion) pada tahun lalu, satu peningkatan yang mengagumkan (135 kali ganda!). Jika mengambil kira kenaikan harga barang (4.5 kali) dan peningkatan penduduk negara (3.3 kali), peningkatan dalam pendapatan per kapita pada harga tetap adalah sembilan kali ganda antara 1970 dan 2018, masih satu angka yang membanggakan.

Namun malangnya, golongan B20 di negara kita dengan pendapatan di bawah RM3000 sebulan tidak dapat memperolehi semua keperluan asas untuk ahli keluarga mereka, kerana kos kehidupan telah meningkat dalam 50 tahun yang lalu. Penswastaan perkhidmatan asas ialah salah satu faktor yang menyumbang kepada peningkatan kos kehidupan rakyat biasa.

Sebuah kerajaan yang prihatin harus menangani masalah kekangan kewangan yang dihadapi oleh kebanyakan rakyat di negara kita untuk menjalani kehidupan harian mereka.

PSM mengemukakan 10 syor untuk Belanjawan 2020 yang merangkumi langkah-langkah yang sudah dicadangkan sejak beberapa tahun yang lalu tetapi masih belum dilaksanakan.

1. Gaji minimum RM1500 sebulan pada tahun 2020

Peningkatan gaji minimum bukan sahaja akan membantu lebih kurang 4 juta pekerja kita yang bergaji RM1499 ke bawah, tetapi juga akan meningkatkan pendapatan lebih kurang 1.5 juta perniaga-perniaga kecil kita di pasar-pasar petang dan malam.

PSM bersetuju bahawa peningkatan yang jauh lebih tinggi boleh menjelaskan sektor-sektor yang sedang bersaing dengan negara asing (seperti perladangan dan perkilangan), tetapi PSM berpandangan bahawa peningkatan sehingga RM1500 tidak akan membawa kesan yang buruk kepada ekonomi kita. Dalam manifesto Pakatan Harapan (PH), dinyatakan bahawa kerajaan sedia menanggung 50% daripada kenaikan gaji. Kami rasa ini hanya perlu untuk syarikat perusahaan kecil dan sederhana (SME) di sektor perladangan dan kilang-kilang kecil (dengan 100 orang pekerja ke bawah) yang boleh dibantu dengan rebat cukai ataupun pengurangan dalam kadar bil elektrik dan sebagainya.

2. Tingkatkan peruntukan kesihatan kepada 2.4% KDNK ataupun RM35.3 bilion

Peningkatan peruntukan kesihatan mesti diutamakan kerana wad-wad hospital dan klinik kerajaan sesak dan menghadapi kekurangan kakitangan. Sering kali pesakit kena menunggu selama 12 jam untuk mendapatkan katil di dalam wad. Di bahagian kesihatan pula (untuk pencegahan dan pemulihan), kakitangan yang sama dikehendaki melaksanakan pelbagai program baru tanpa peningkatan dalam jumlah kakitangan. Bagi PSM, sistem kesihatan negara kita amat baik dan begitu perlu untuk rakyat kita. Ia juga memupuk semangat perpaduan dan solidariti di kalangan rakyat. Oleh itu, walaupun kekangan kewangan yang dihadapi kerajaan PH tidak membolehkan PH meningkatkan belanjawan kesihatan ke 4% KDNK pada masa ini seperti yang dijanji dalam Manifesto PH, kami berharap sasaran itu boleh dicapai dalam 5 tahun dengan peningkatan 0.4% KDNK setiap belanjawan tahunan.

3. Perumahan untuk rakyat

Mengikut statistik kerajaan, 30% keluarga Malaysia bersamaan 2.25 juta buah keluarga, dengan kebanyakan mereka dalam golongan B40, masih tidak memiliki rumah.

Formula kerajaan yang menggunakan tiga kali pendapatan median untuk menentukan harga rumah mampu milik bagi rakyat Malaysia, merupakan pendekatan yang tidak masuk akal. Harga rumah mampu milik sekarang ini sudah jauh melebihi kemampuan sebenar ramai rakyat biasa.

Selain itu, adalah amat sukar juga bagi keluarga B20 memperuntukkan satu pertiga daripada pendapatan bulanan mereka untuk membayar pinjaman perumahan. Pendapatan mereka sebanyak RM3000 sebulan ke bawah tidak mencukupi untuk segala keperluan asas. Jika satu pertiga harus disingkirkan untuk bayaran pinjaman rumah, sudah tentu keperluan asas lain seperti makanan, pendidikan atau kesihatan akan dijejaskan dan kemampuan keluarga itu membesarakan anak-anak mereka turut terganggu.

Kerajaan perlu melancarkan skim Program Perumahan Rakyat (PPR) sewa (pada kadar RM 100 - 200 sebulan) secara besar-besaran di seluruh negara untuk lapisan B20. Kita harus mensasarkan 200,000 buah rumah PPR setahun (dengan anggaran kos RM 20 bilion) untuk lima tahun yang akan datang. Oleh kerana perbelanjaan yang diperlukan adalah besar, PSM mengesyorkan bahawa syarikat-syarikat berkaitan kerajaan (GLC) gergasi diberi kuota untuk melaksanakan projek ini demi membantu kerajaan dalam usaha ini. Pada masa yang sama, peruntukan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) harus ditingkatkan untuk membolehkan KPKT mencampur tangan dalam usaha ini.

4. Bantuan subsidi untuk pesawah, pekebun dan nelayan

Kerajaan kini sedang membantu kumpulan-kumpulan ini dengan pelbagai skim bantuan. Skim-skim ini harus diteruskan kerana kumpulan-kumpulan ini merupakan antara golongan termiskin di negara kita. Umpamanya, harga beli padi telah ditetapkan pada RM1.50 sekilogram dengan subsidi sebanyak 75 sen sekilogram pada pembeli. Selain itu, pesawah padi menerima baja dan racun serangga perosak percuma. Pekebun getah dengan kebun di bawah 5 ekar sedang menerima bayaran terus ke akaun bank mereka jika harga getah beku jatuh di bawah RM2.50 sekilo. Jumlah yang dibayar kepada mereka adalah bergantung pada harga purata getah beku dan kuantiti getah beku yang dijual oleh mereka pada bulan itu. Nelayan tradisional menerima bantuan RM300 seorang sebulan.

Tetapi usaha harus diambil juga untuk memastikan bantuan ini sampai ke sasarnanya dan tidak diseleweng oleh pihak-pihak yang dipertanggungjawab untuk melaksanakannya. Program membaiki rumah usang di kawasan kampung juga harus diteruskan, tetapi ini merupakan satu program di mana pelaksana jauh lebih beruntung daripada orang kampung yang "dibantu". Pelaksanaan skim ini harus diurus dengan lebih baik.

5. Perkasakan skim Bantuan Sara Hidup (BSH)

Skim ini amat membantu keluarga B40, dan syor PSM adalah untuk mengubahsuai skim ini seperti jadual di bawah:

Pendapatan Isi rumah [RM/bulan]	Cadangan jumlah bayaran BSH [RM]	Bil. Isi rumah (anggaran)	Jumlah Peruntukan [RM juta]
< 1000	2000	40,000	80
1001 - 1500	1750	380,000	665
1501 - 2000	1500	400,000	600
2001 - 2500	1250	450,000	560
2501 - 3000	1000	420,000	420
3001 - 3500	750	400,000	300
3501 - 4000	500	400,000	200

Syor di atas memerlukan peruntukan sebanyak RM2.83 bilion untuk 2.5 juta keluarga termiskin dan berpendapatan rendah di negara kita. Selain daripada jumlah ini, jika RM250 setahun ditambahkan untuk setiap orang anak di bawah umur 18 tahun (dengan maksimum 4 orang anak), RM1.4 bilion tambahan harus diperuntukkan juga.

Warga bujang dan ibu atau bapa tunggal harus disertakan dalam program BSH jika mereka layak dari segi pendapatan mereka, tetapi dengan bayaran yang lebih kecil jika mereka tidak ada tanggungan. Pada masa ini, oleh kerana mereka tidak ditafsir sebagai penerima BSH, mereka tidak layak memohon bantuan program lain seperti MySalam.

6. Skim bantuan kepada orang dengan keperluan istimewa

Mengikut statistik kerajaan, lebih kurang 2% daripada warganegara kita (ataupun 700,000 orang) mengalami kecacatan fizikal yang teruk. Mereka adalah individu yang mengalami kecacatan seperti "paraplegia" di mana mereka tidak dapat menggerakkan kaki ataupun mereka terlentang kerana lumpuh badan. Individu seperti ini memerlukan perbelanjaan yang tinggi dalam bentuk lampin, kateter, fisio dan perbelanjaan lain. PSM mengesyorkan bahawa individu-individu yang cacat teruk diberi bantuan RM 500 sebulan untuk memperolehi bekalan dan rawatan yang diperlukan. Ini memerlukan peruntukan sebanyak RM 4.2 bilion yang harus dikendalikan oleh Kementerian Kesihatan yang mempunyai kemahiran dalam menentukan penerima bantuan ini.

(sambung di m/s 21)

(sambung dari m/s 20)

7. Skim pence untuk warga emas berumur 70 ke atas

Hanya 20% daripada warga emas di negara kita menerima pence kerajaan ataupun pence PERKESO. Walaupun 43% daripada orang yang bekerja mencarum kepada KWSP, 90% daripada mereka menghabiskan simpanan KWSP mereka dalam jangka masa 3 tahun selepas bersara. Ramai lagi tidak pernah mencarum kepada KWSP.

Hampir 80% daripada rakyat Malaysia yang berumur 70 tahun ke atas tidak mempunyai sumber pendapatan sendiri dan mereka terpaksa bergantung pada anak-anak mereka. Untuk kaum B40 dan M40, anak-anak mereka juga tertekan dengan beban kewangan untuk menjaga keluarga mereka sendiri, membayar pinjaman PTPTN, pinjaman perumahan dan perbelanjaan lain.

Oleh itu, PSM ingin mengesyorkan bahawa semua rakyat Malaysia yang berumur 70 tahun ke atas dibayar pence bulanan sebanyak RM300 sekiranya mereka tidak menerima pence kerajaan ataupun pence PERKESO. Dianggarkan sejumlah 800,000 orang rakyat Malaysia berada dalam golongan ini. Kos untuk skim ini adalah RM2.88 bilion setahun, dan ia amat membantu dalam memastikan lapisan warga emas dapat hidup secara bermaruah.

8. Skim memupuk kapasiti SME

Satu masalah dalam struktur sosio-ekonomi negara kita adalah kekurangan penglibatan Bumiputera dalam perusahaan kecil dan sederhana (SME). Ketidakseimbangan ini telah dikenalpasti sejak tahun 1970-an, tetapi masih belum diperbetulkan walaupun Dasar Ekonomi Baru (DEB) dilaksanakan. Program-program vendor dan bantuan kredit yang wujud pada takat ini harus diteruskan, tetapi satu pasukan petugas harus ditubuhkan untuk mengenalpasti kelemahan dalam kaedah yang telah diguna selama ini. Mungkin program-program yang wujud sekarang perlu diperketatkan supaya ianya mencapai matlamatnya, iaitu untuk mewujudkan kapasiti di kalangan usahawan Bumiputera. Individu yang gagal dalam usaha mewujudkan bisnes harus diberi peluang kedua dan ketiga, tetapi individu yang tidak berusaha membina bisnes dan membazirkan peluang dengan memberi subkontrak kepada orang lain ataupun hidup secara mewah tanpa apa-apa usaha harus disenaraikan.

9. Program melindung hutan asli kita

Walaupun 55.6% daripada muka bumi Malaysia diliputi hutan mengikut statistik kerajaan, angka ini mengaburkan fakta bahawa hanya 17% daripada muka bumi Malaysia masih mengandungi hutan asli yang tidak pernah dibalak. Bakinya, iaitu 38.6% muka bumi Malaysia adalah "hutan miskin" yang pernah dibalak tetapi masih diklasifikasikan sebagai hutan. Hanya tinggalnya 5.61 juta hektar hutan asli di negara Malaysia sekarang. Ladang kelapa sawit pun sudah sampai 6 juta hektar pada takat ini!

Kerajaan-kerajaan Negeri sentiasa memberi alasan bahawa mereka memerlukan dana untuk perbelanjaan, dan oleh itu perlu mengeluarkan lesen pembalakan. PSM mengesyorkan supaya bayaran royalti hutan diberikan kepada semua negeri, bergantung pada keluasan hutan asli di negeri itu, dengan syarat pembalakan hutan asli dihentikan di negeri itu.

Syor PSM adalah membayar Kerajaan Negeri RM350 setahun untuk setiap hektar hutan asli yang wujud dalam negeri tersebut dengan syarat pembalakan hutan asli dihentikan sama sekali di dalam negeri itu. Program ini (yang harus dipantau dengan kamera satelit) memerlukan peruntukan sebanyak RM 2 bilion setahun, tetapi ianya merupakan satu pelaburan untuk masa depan anak cucu kita semua.

10. Sistem pengangkutan awam yang berdasarkan bas elektrik

Sistem "Pengangkutan Massa Berasaskan Bas" (*Bus Based Mass Transport, BBMT*) harus diperkenalkan di bandar-bandar besar Malaysia kerana sistem sebegini jauh lebih mudah dilaksanakan berbanding sistem keretapi "LRT" atau "MRT" yang memerlukan perbelanjaan dua puluh kali ganda lebih tinggi. Sistem BBMT yang memerlukan sebahagian jalanraya di dalam bandar dikhaskan untuk bas, telah pun dilaksanakan di beberapa bandar besar seperti Jakarta dan Curitiba, dan telah berjaya mengurangkan kesesakan jalanraya, dan jika bas elektrik digunakan, pencemaran udara di dalam bandar juga dapat dikurangkan. Pengurangan kesesakan jalanraya mengikut cara ini akan menjimatkan perbelanjaan untuk membina lebih banyak lagi jejambat laluan atas, jalan lingkar, lebuhraya bertingkat dan terowong di bandar-bandar kita.

Indonesia

Apabila reformasi dikorupsi, anak muda bangkit beraksi

Negara Indonesia dilanda gelombang kebangkitan pelajar yang terbaru sejak 23 September lalu, tercetus daripada bantahan terhadap penggubalan beberapa rang undang-undang yang bakal menyekat ruang demokrasi dan menghakis kesejahteraan rakyat Indonesia.

Protes mahasiswa berlaku di banyak tempat di seluruh Indonesia. Polis Indonesia bertindak ganas termasuk menembak gas pemediti mata terhadap demonstran yang berhimpun di hadapan Kompleks Parlimen Indonesia. Dua orang peserta aksi disahkan mati di Jakarta oleh pihak polis Indonesia pada 25 September lalu, dengan seorang dikatakan mati terkorban dalam satu kemalangan jalanraya semasa demonstrasi di Jakarta, sementara seorang lagi ditemui mati di tempat aksi. Di bandar Kendari, Sulawesi Tenggara, 2 orang pelajar mati dalam satu pertembungan antara demonstran dengan pihak polis di hadapan bangunan Dewan Perwakilan Rakyat Daerah Pronvisi di situ pada 26 September lalu.

Pelajar-pelajar yang berprotes di jalanan kerana mereka membantah beberapa rang undang-undang baru, termasuk Rang Undang-undang Pindaan Kanun Jenayah (RKUHP) yang menghakis kebebasan demokratik di samping bersifat diskriminasi, pindaan terhadap Undang-undang Suruhanjaya Pembanterasan

Korupsi (UU KPK) yang melemahkan peranan Suruhanjaya Pembanterasan Korupsi (KPK), serta rang undang-undang lain yang menjelas kesejahteraan rakyat biasa untuk kepentingan pelabur, seperti Rang Undang-undang Tanah, Rang Undang-undang Buruh dan Rang Undang-undang Perlombongan.

Oleh sebab tekanan hebat berikutan kebangkitan gelombang protes pelajar, Presiden Indonesia Joko Widodo (atau lebih dikenali sebagai Jokowi) telah berkompromi untuk menangguhkan pengundian rang undang-undang berkenaan dalam Parlimen, kecuali pindaan undang-undang KPK yang sudah pun diluluskan sebelum ini.

Gerakan pelajar yang bermobilisasi dengan slogan **#ReformasiDikorupsi** ini telah mengemukakan "7 desakan":

1. Menolak Rang Undang-undang Pindaan Kanun Jenayah (RKUHP), RUU Perlombongan Mineral, RUU Pertanahan, RUU Permasarakatan, RUU Ketenagakerjaan, RUU Keamanan dan Ketahanan Siber; Mendesak pembatalan Undang-undang KPK dan Undang-undang Sumber Daya Air; mendesak kelulusan RUU Penghapusan Kekerasan Seksual dan RUU Perlindungan Pekerja Rumah Tangga.
2. Lucutkan jawatan pimpinan Suruhanjaya Pembanterasan Korupsi (KPK) bermasalah yang

dipilih oleh Dewan Perwakilan Rakyat.

3. Haramkan anggota Tentera Nasional Indonesia (TNI) dan Polis Nasional (POLRI) daripada memegang jawatan di jabatan awam.

4. Hentikan cengkaman tentera di Papua dan wilayah lain. Bebaskan tahanan politik Papua segera!

5. Hentikan pendakwaan jenayah terhadap semua aktivis.

6. Hentikan pembakaran hutan di Kalimantan dan Sumatera; dan menghukum syarikat yang bertanggungjawab terhadap kebakaran dan menarik balik permit mereka.

7. Selesaikan semua masalah pencabulan hak asasi manusia dan membawa mereka yang mencabul hak asasi manusia ke mula pengadilan, termasuk mereka yang berada di kedudukan tertinggi dalam kerajaan. Pulihkan hak-hak mangsa dengan serta-merta.

7 desakan atau tuntutan utama gerakan pelajar ini telah merangkumi aspek yang penting dalam usaha memerangi gejala rasuah, mempertahankan demokrasi dan melindungi alam sekitar. Perhatian yang diberikan kepada isu pencabulan hak asasi manusia di Papua juga menunjukkan gerakan pelajar yang sedang bangkit ini tidak terpengaruh oleh sentimen nasionalis sempit yang dibawa oleh golongan konservatif. Tuntutan-tuntutan

ini amat jelas menunjukkan aspirasi mahasiswa-mahasiswa Indonesia hari ini untuk sebuah negara demokratik yang melindungi hak dan kesejahteraan rakyat di samping bebas daripada ancaman golongan oligarki yang merampas kekayaan masyarakat.

Walaupun Indonesia digelar sebagai negara demokratik yang terbesar di Asia Tenggara, tetapi selepas lebih 20 tahun menjatuhkan kediktatoran Suharto, ancaman unsur-unsur anti-demokratik daripada golongan oligarki dan konservatif masih sangat hebat. Kesejahteraan rakyat biasa sentiasa diancam oleh dasar dan tindakan kerajaan yang mengutamakan kepentingan pemodal. Keganasan pihak berkuasa yang amat hebat di Papua Barat baru-baru ini hanya mengingatkan orang ramai tentang sifat asas pemerintahan negara Indonesia masih tidak berubah banyak.

Aksi mobilisasi pelajar-pelajar Indonesia terbaru ini memberi nafas baru kepada politik Indonesia. Ini juga merupakan cabaran paling hebat daripada golongan progresif yang dihadapi oleh Jokowi apabila memasuki penggal kedua kepresidenannya. ##



Immanuel Wallerstein (1930-2019)

Intelek anti-kapitalis yang bangunkan analisis Sistem-Dunia

“Tiadanya dan tidak boleh adanya kapitalisme yang pelbagai kerana kapitalisme ialah struktur tunggal yang merupakan ciri penentu untuk sistem dunia moden.”

- Immanuel Wallerstein,
Capitalism as an Essential Concept to Understand Modernity, 2016

Immanuel Wallerstein, seorang tokoh intelek dalam bidang sosiologi, sejarah ekonomi dan analisis sistem-dunia yang terkenal di Amerika Syarikat, meninggal dunia pada 31 Ogos lalu, dengan usia 88 tahun.

Mendiang Wallerstein, merupakan seorang intelek anti-kapitalis yang menjadi sekutu setia kepada gerakan sosial kontemporari, termasuk perjuangan Zapatista, Gerakan Keadilan Global dan perjuangan pembebasan Kurdi. Wallerstein paling terkenal dengan Teori Sistem-Dunia yang diterajuinya sebagai satu pendekatan multi-disiplin dan berskala makro terhadap sejarah dunia dan perubahan sosial yang menekankan pada sistem-dunia (bukannya negara-negara bangsa) sebagai unit utama analisis sosial. Sumbangan pemikirannya ini mempunyai pengaruh yang luas terhadap cara bagaimana sejarah, kapitalisme, kolonialisme dan sains sosial difahami.

Wallerstein dilahirkan di bandar New York dan mendapat pendidikannya sehingga ke sarjana doktor falsafah di Universiti Columbia di New York. Selepas tamat pengajiannya, beliau juga pernah mengajar di Universiti Columbia, dari tahun 1958 hingga 1971. Semasa mengajar di Universiti Columbia, beliau menjadi penyokong utama kepada protes pelajar-pelajar Universiti Columbia pada tahun 1968, sebahagian daripada kebangkitan pelajar Amerika Syarikat yang anti-perang dan Gerakan Hak Sivil pada masa itu, yang melibatkan aksi pendudukan bangunan universiti oleh pelajar-pelajar.

Wallerstein pada awalnya menumpukan kajiannya dalam politik dunia di luar Amerika

dan Eropah, sebagai pakar hal ehwal Afrika pasca-kolonial. Beliau pernah menjadi Presiden kepada Persatuan Pengajian Afrika di Amerika Syarikat dan Kanada. Wallerstein kemudiannya mengetui Pusat Fernand Braudel untuk Pengajian Ekonomi, Sistem Sejarah dan Ketamadunan di Universiti Binghamton di New York, di mana beliau terlibat dalam usaha intelek yang menganalisis perubahan masyarakat pada skala besar untuk jangka masa sejarah yang panjang. Sepanjang kerjayanya sebagai ahli akademik, Wallerstein pernah menjadi profesor pengunjung di banyak universiti di seluruh dunia. Beliau pernah menjadi Presiden Sosiologi Antarabangsa pada tahun 1994-1998.

Sejak tahun 1970-an, Wallerstein muncul sebagai seorang ahli teori dalam bidang kajian ekonomi kapitalis global pada tahap makroskopik. Pengaruh pemikiran Karl Marx yang kritis terhadap kapitalisme dan Teori Kebergantungan (teori ekonomi pembangunan yang membawa idea bahawa sumber kekayaan mengalir dari negara ‘pinggiran’ yang kurang membangun ke negara ‘teras’ yang kaya, dan mengkayakan negara maju melalui eksloitasi negara miskin), serta kebangkitan semangat revolusi pada tahun 1968, telah mendorong Wallerstein untuk membangunkan Teori Sistem-Dunia. Karyanya yang paling penting “The Modern World-System”, diterbitkan dalam 4 jilid, pada tahun 1974, 1980, 1989 dan 2011.

“Sistem-Dunia” merujuk pada pembahagian buruh secara transnasional dan antara rantau dunia, di mana dunia dibahagikan kepada negara-negara teras, negara-negara semi-pinggiran



dan negara-negara pinggiran. Negara-negara teras, terdiri terutamanya daripada negara-negara maju di Utara global, memfokus pada pengeluaran berkemahiran lebih tinggi dan modal-intensif; sementara negara-negara yang lain pula memfokus pada pengeluaran berkemahiran rendah dan buruh-intensif serta pengekstrakan bahan-bahan mentah. Hubungan pembahagian buruh ini mengukuhkan dominasi negara-negara teras dalam hal ehwal dunia. Sistem-Dunia mempunyai ciri yang dinamik di mana status sesebuah negara (sama ada negara teras, semi-pinggiran atau pinggiran) boleh berubah mengikut masa. Struktur ini disatukan oleh pembahagian buruh dan ia merupakan ekonomi dunia yang berdasarkan ekonomi kapitalis. Beberapa buah negara telah menjadi kuasa dunia melalui sistem ini, dengan sistem-dunia diperluaskan secara geografi dan diperkuatkan secara ekonomi, dengan status kuasa besar dunia telah beralih dari Belanda kepada Britain dan terkini kepada Amerika Syarikat.

Wallerstein pernah berkata, “Analisis Sistem-Dunia bukannya satu teori tetapi protes terhadap isu-isu yang diabaikan dan epistemologi (cabang falsafah yang mengkaji sifat pengetahuan) yang bersifat menipu... ia ialah tugas intelek yang perlu menjadi tugas politik juga kerana pencarian

untuk kebenaran dan pencarian untuk kebaikan bukannya satu usaha tunggal. Jika kita hendak menuju ke depan ke sebuah dunia yang rasional secara substantif, dalam penggunaan Max Weber untuk istilah ini, kita tidak boleh mengabaikan kedua-dua cabaran intelek atau politik. Begitu juga kita tidak boleh memisahkan mereka sesama sendiri. Kita hanya boleh berjuang secara tidak senang dengan kedua-dua cabaran secara serentak, dan maju ke hadapan sebaik mungkin.”

Dalam tulisan komentarnya yang terakhir yang diterbitkan pada 1 Julai 2019, “Inilah pengakhirannya; inilah permulaannya” (*This is the end; this is the beginning*), Wallerstein menulis kata-kata akhirnya yang patut kita renungi:

“Dunia ini mungkin akan terus merosot lagi. Atau ia mungkin tidak. Saya telah mengatakan sejak dulu lagi bahawa saya beranggapan perjuangan penting ialah perjuangan kelas, menggunakan kelas dalam erti kata yang sangat luas. Apa yang boleh dilakukan oleh mereka yang akan hidup pada masa depan adalah berjuang dengan diri mereka supaya perubahan ini boleh menjadi sesuatu yang nyata. Saya masih berfikir seperti itu dan oleh itu saya berpandangan bahawa kita adanya peluang 50-50 untuk berjaya dalam perubahan transformatif, tetapi hanya 50-50”. ##

“... pengeluaran untuk jualan dalam pasaran di mana tujuannya adalah untuk mencapai keuntungan maksimum, ialah ciri ketara untuk ekonomi-dunia kapitalis. Dalam sistem sedemikian, pengeluaran sentiasa diperluaskan selagi pengeluaran yang selanjutnya adalah menguntungkan, dan manusia terus menginovasi cara-cara baru untuk mengeluarkan benda-benda yang akan memperluaskan margin keuntungan.”

- Immanuel Wallerstein,
The Capitalist World-Economy, 1979



Wallerstein (kanan) bersama dengan Subcomandante Marcos, pemimpin Tentera Pemberbebasan Nasional Zapatista (EZLN) di Mexico.

Transisi kepimpinan selesai dalam Kongres PSM ke-21

Kongres Nasional Parti Sosialis Malaysia (PSM) yang ke-21 telah diadakan dari 12 hingga 14 Julai lalu di bandar Kajang, Selangor, dan menyaksikan selesainya proses transisi kepimpinan yang telah bermula sejak 5 tahun yang lalu. Kini kesemua pemegang jawatan utama parti sejak tertubuhnya PSM pada tahun 1998, telah digantikan sepenuhnya. Pada tahun ini, Dr. Nasir Hashim telah berundur sebagai Pengurus dan digantikan oleh Dr. Jeyakumar Devaraj, iaitu mantan Ahli Parlimen kawasan Sungai Siput. Sementara itu, bekas Setiausaha Agung S. Arutchelvan telah dipilih sebagai Timbalan Pengurus, mengantikan M. Sarasvathy. Setiausaha Agung PSM A. Sivarajan dan Bendahari PSM Soh Sook Hwa telah dikekalkan dalam jawatan mereka yang dipegang sejak tahun 2015.

Pemilihan parti kali ini juga telah memperlihatkan beberapa muka baru dipilih untuk menganggotai Jawatankuasa Pusat PSM, antaranya Chong Yee Shan (aktivis sosial), Kohila (pegum aktivis), Sharan Raj (aktivis anak muda) dan Teh Yee Cheu (bekas ADUN Tanjung Bungah Pulau Pinang).

Majoriti daripada Jawatankuasa Pusat seramai 15 orang untuk

penggal dua tahun yang akan datang ini terdiri daripada wanita, iaitu seramai 8 orang, yang antaranya memegang jawatan utama seperti Timbalan Setiausaha Agung, Bendahari, dan Timbalan Bendahari.

Dasar Perubahan Iklim

Memandangkan pelbagai isu alam sekitar yang semakin timbul pada masa kini oleh kerana pembangunan negara yang tidak lestari, maka PSM buat pertama kalinya telah membentangkan dan meluluskan satu kertas polisi yang bertajuk "Menangani Perubahan Iklim: Alternatif Hijau untuk Malaysia". Pembentangan kertas ini diterima oleh perwakilan Kongres sebagai kertas dasar yang akan digunakan sebagai asas perjuangan PSM dalam menangani krisis iklim.

Selaras dengan kertas dasar ini juga, para delegasi yang hadir dalam Kongres PSM juga meluluskan satu usul untuk melancarkan suatu kempen nasional yang mendesak Kerajaan Pakatan Harapan untuk mengisytiharkan "Darurat Iklim" agar tindakan-tindakan drastik bagi menangani pemanasan bumi dapat dijalankan.

Membentuk gabungan politik baru

Dalam Kongres ini juga, selaras dengan tema "Perjuangan Progresif Malaysia Baru", buat pertama kalinya menyaksikan penyertaan wakil daripada Parti Gerakan Rakyat Malaysia sebagai pemerhati semasa upacara pembukaan Kongres. Parti Gerakan yang telah keluar dari Barisan Nasional, kini sedang bergerak secara independen dan berminat untuk bekerjasama dengan kuasa-kuasa progresif yang lain. PSM berharap penyertaan mereka dalam Kongres sebagai pemerhati, akan membuka ruang untuk perbincangan lanjut.

PSM ingin berusaha untuk membentuk gabungan politik baru untuk menghadapi PRU-15. Maka, majlis perasmian kongres ini dihadiri oleh pemerhati daripada parti-parti lain. Diharapkan kehadiran mereka akan membuka jalan kerjasama yang sihat.

Pembentukan Pejabat Negeri

Kongres kali ini juga memutuskan untuk menubuhkan Pejabat Perhubungan Negeri PSM di semua negeri. Pejabat Perhubungan Negeri PSM akan bertindak untuk

memantau dasar-dasar kerajaan negeri dan membela rakyat daripada penindasan, tidak kira oleh Pakatan Harapan atau Barisan Nasional. Kongres juga berhasrat untuk mengembangkan PSM secara meluas demi mengisi vakum politik sebagai pembangkang politik yang berwibawa di kacamata rakyat.

Perjuangan melawan kebangkitan kuasa kanan

Suatu sesi khas telah diadakan semasa Kongres untuk mengkaji fenomena kebangkitan kuasa kanan populis di peringkat antarabangsa dan juga di Malaysia. Kertas pembentangan telah dibuat oleh Choo Chon Kai selaku Ahli Jawatankuasa Pusat PSM dan Hj Zaid Kamaruddin daripada IKRAM sebagai pembentang jemputan khas.

Kongres PSM ke-21 di Kajang tahun ini merupakan suatu titik sejarah penting kepada perjuangan PSM yang sentiasa bergerak ke hadapan secara dinamik, melancarkan kempen baru, mendalami isu baru, membentuk gabungan baru demi untuk membina sebuah negara yang adil, saksama dan progresif. ##



Barisan Jawatankuasa Pusat PSM 2019-2021



Piala Pejuang P. Veerasenan

Pertandingan Bola Sepak Piala Pejuang P. Veerasenan yang ke-24 telah diadakan pada 22 September lalu di Klang, Selangor. Pertandingan tahun ini dianjurkan secara bersama oleh PSM dan Persatuan Bolasepak Veteran Highland.

Pertandingan bola sepak persahabatan tahunan yang diadakan sejak tahun 1993 ini, bertujuan untuk memperingati P. Veerasenan, seorang tokoh gerakan pekerja yang dibunuh oleh penjajah British pada tahun 1949.



AKAN DATANG SOSIALISME 2019

24 NOVEMBER 2019 KUALA LUMPUR

MALAYSIA: APA YANG BARU?

Forum Sosialisme ialah program tahunan anjuran Parti Sosialis Malaysia (PSM) untuk membincangkan topik-topik yang penting tentang perkembangan masyarakat dan perjuangan rakyat.

Untuk maklumat lanjut, sila layar:



SEKITAR AKSI MOGOK IKLIM SEDUNIA SEPTEMBER 2019

Sepanjang seminggu dari 20 hingga 27 September lalu, pelbagai aksi protes dan mogok diadakan di seluruh dunia untuk menyeru pada pemimpin-pemimpin kerajaan sedunia supaya mengambil tindakan yang konkrit serta segera dalam menangani krisis iklim yang sedang mengancam seluruh umat manusia yang hidup di planet Bumi.

(baca selanjutnya di m/s 8)



Lahore, Pakistan



Maastricht, Belanda



New York, Amerika Syarikat



Brisbane, Australia



Hamburg, Jerman



Nairobi, Kenya



Johannesburg, Afrika Selatan



São Paulo, Brazil



Brussels, Belgium

SEKITAR #MYCLIMATESTRIKE DI MALAYSIA

Malaysia juga tidak ketinggalan dalam aksi mogok iklim sedunia. Walaupun tiadanya aksi mogok yang sebenar, tetapi terdapat aksi protes menuntut keadilan iklim di Kuala Lumpur dan Pulau Pinang pada 21 September lalu. (foto oleh Low Wawa)



Kuala Lumpur



Kuala Lumpur



Georgetown, Pulau Pinang



Diterbitkan oleh: Parti Sosialis Malaysia (PSM)

140A, Jalan Sultan Abdul Samad, Brickfields, 50470 Kuala Lumpur.

Tel: 03-28575109

Laman web: <https://sosialis.net>

E-mel: sosialis.psm@gmail.com

Facebook / Twitter / Instagram: psm.sosialis